AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Anas bin Malik ia berkata, telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesungguhnya perumpamaan orang-orang yang berilmu pengetahuan di muka bumi ini seperti bintang-bintang di langit yang menjadi petunjuk dan menerangi di dalam kegelapan sama ada di daratan mahupun di lautan, apabila ia terbenam atau hilang dikhuatiri akan hilang arah tujuan". (Riwayat Al Imam Ahmad).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.59 | SUBUH 5.09 | SYURUK 6.25 | DUHA 6.48 | ZUHUR 12.30 | ASAR 3.38 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 33 | 18 MAC 2026 / 1447 رمضان 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

TERUS MENINGKATKAN KUALITI, KECEKAPAN PENGURUSAN HAJI, UMRAH

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada persidangan berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, mengongsikan di bawah Tajuk Pemeliharaan Promosi Harta, sebanyak BND29,025,560 diperuntukkan, iaitu 10.4 peratus daripada peruntukan keseluruhan.

Semasa menyampaikan Perbahasan Peringkat Dasar pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat menjelaskan, peruntukan ini adalah bagi melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan ugama di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) *proper* dan beberapa jabatan yang berkenaan yang di bawahnya, iaitu Jabatan Urusan Haji, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan Majlis Ugama Islam Brunei.

Berdasarkan peruntukan yang telah diberikan pada Tahun Kewangan 2025/2026 sekarang tambah Yang Berhormat, KHEU antaranya telah berjaya melancarkan sistem BruHaj pada 20 Januari 2025.

Sistem ini menurut Yang Berhormat, telah banyak membantu mempermudahkan pendaftaran haji secara dalam talian dengan lebih mudah dan efisien, di mana antara impak positif daripada sistem tersebut ialah apabila Negara Brunei Darussalam (NBD) telah diberikan pengiktirafan dan penganugerahan Silver Award dalam Anugerah Tertinggi Labaytum oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi.

>> Muka 3

Majlis Khatam Al-Quran semarakkan bulan Ramadan penuh keberkatan

Siaran Akhbar :
Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Tadarus Al-Quran bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi berakhir baru-baru ini dengan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Kampung Beribi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, diikuti dengan bacaan Juzuk 30 beramai-ramai bersama 80 qari dan qariah yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

>> Muka 16

Terus laksanakan diplomasi dua hala untuk menjamin kemakmuran, kedaulatan negara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peruntukan yang disokong bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk Tahun Kewangan 2026/2027 berjumlah dalam lingkungan BND124 juta.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Dengan peruntukan tersebut, kementerian akan terus melaksanakan tugas dalam memperkukuh kepentingan serta dasar luar Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui diplomasi dua hala dan pelbagai hala bagi menjamin kemakmuran, keselamatan dan kedaulatan negara.

>> Muka 11

Majlis Tadarus JPM labuh tirai

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya melabuh tirai Majlis Tadarus sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, hari ini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II berupa dua set kamera litar tertutup (CCTV) *indoor* dan *outdoor* dan papan kenyataan *standing portable* kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

>> Muka 15

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama

DANA terima sumbangan BND100,500 daripada 108 penyumbang

Muka 19

MELAHIRKAN masyarakat gemar membaca Al-Quran

Muka 20

MAJLIS Khatam Al-Quran raikan 58 peserta

Muka 26

RAYA lebih bermakna dalam kesederhanaan

Muka 29

Infrastruktur dan kerjasama komersial pacu pertumbuhan logistik negara

MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa berucap pada Majlis Perasmian BIACC Trade and Logistics Expo 2026 pada Selasa, 10 Februari 2026 yang berlangsung di Brunei Darussalam International Defence, Exhibiton Conference (BRIDEX) Jerudong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Musmariani Haji Mohammad

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi semua.

SAYA, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan BIACC dan jawatankuasa penganjur kerana menjemput saya sebagai tetamu kehormat bagi merasmikan BIACC Trade and Logistics Expo 2026 yang julung kali diadakan dengan tema 'Bridging Ideas, Advancing Cargo Connectivity'.

Saya amat mengalu-alukan serta merakamkan penghargaan kepada BIACC kerana menganjurkan acara ini dan mengumpulkan para pemimpin industri, usahawan dan pembuat dasar untuk berkongsi perspektif antara satu sama lain, mengukuhkan kerjasama dan meneroka kemajuan dan perubahan meluas yang diperlukan untuk mengembangkan perdagangan, logistik dan lebih khusus lagi sektor kargo udara kita.

Ketika saya berdiri di sini dan meninjau sekeliling, jelas bahawa setiap produk pengguna yang kita miliki, sama ada pakaian, barang keperluan dapur, termasuk alat peranti dan alat tulis seakan-akan mempunyai dokumen. Sama seperti pengembara yang memerlukan pasport untuk melepasi imigresen, barangan juga memerlukan dokumentasi dan pelepasan untuk bergerak antara destinasi sebelum sampai ke tangan kita. Ia bergerak beribu-ribu batu melalui jaringan kapal, pesawat dan trak yang besar.

Logistik adalah benang halus yang tidak kelihatan yang menghubungkan sumber-sumber dunia ke dalam fabrik kehidupan seharian kita. Terdapat sistem logistik yang berfungsi secara senyap tetapi berkuasa dalam menyokong pencarian dan aktiviti ekonomi.

Kita telah melihat bagaimana perdagangan dan logistik menjana kehidupan seharian kita, tetapi sebagai pemain industri, usahawan dan pembuat dasar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang kita cintai, kita perlu merebut peluang ini untuk mengubah geografi kita menjadi aset, membina infrastruktur yang berkemampuan, meningkatkan ketersambungan pengangkutan serta menjadikan setiap titik transit dan gudang sebagai pemangkin pekerjaan tempatan dan daya hidup ekonomi negara.

Sebagai sebuah negara, kita perlu beralih daripada sekadar pengguna kepada pemain aktif dalam sektor logistik. Tidak memadai untuk kita hanya menjadi destinasi di atas peta, kita juga mesti menjadi arkitek kepada perjalanan tersebut. Walaupun kita telah lama menjadi penerima manfaat daripada rantaian bekalan global, masa depan kita juga terletak pada usaha untuk menjadi hab penting di dalamnya. Dengan menerapkan diri kita ke dalam teras ekosistem logistik, kita bukan sahaja menerima barangan, malah membuka laluan baharu untuk daya tahan ekonomi, pekerjaan bernilai tinggi dan pertumbuhan yang mampan.

Dalam konteks inilah NBD telah meletakkan pembangunan logistik sebagai keutamaan strategik negara di bawah Pelan Tindakan Ekonomi NBD serta Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) 2030.

Di bawah MTIC 2030, visi kami adalah jelas dan bercita-cita tinggi. Kami berhasrat untuk membangunkan ekosistem logistik yang bersepadu, moden dan cekap yang menghubungkan pengangkutan udara, laut dan darat menjadi satu rangkaian nasional yang kukuh.

Di tengah-tengah pertumbuhan kargo udara ialah BIACC. Operasi BIACC merupakan tonggak utama strategi logistik negara serta menjadi pintu masuk yang menghubungkan NBD dengan pasaran serantau dan antarabangsa. Ia memainkan peranan penting dalam memperluaskan kapasiti kargo udara, meningkatkan kecekapan operasi, memperkukuh ketersambungan global dan menyokong aliran perdagangan bernilai tinggi.

Di bawah MTIC 2030, kami telah menetapkan sasaran yang jelas untuk meningkatkan pergerakan kargo udara dan laut dengan ketara menjelang 2030. Bagi kargo udara sahaja, aspirasi kami adalah untuk mencapai 38,000 tan pergerakan kargo udara menjelang 2030.

Sebagai langkah awal, saya dengan sukacitanya ingin berkongsi bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun lalu telah memperkenankan BIACC untuk dianugerahkan pajakan jangka panjang yang akan membolehkan mereka membangunkan semula dan memodenkan operasi Bangunan Terminal Kargo Udara (ACTB) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), pembangunan ini, apabila siap kelak akan meningkatkan lebih kapasiti pengendalian kargonya lebih daripada dua kali ganda, di samping memperkenalkan kemudahan penyimpanan sejuk bertaraf tinggi serta keupayaan pengendalian kargo bernilai tinggi.

>> Muka 19

WAKTU SEMBAHYANG

MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	RABU	28	4.59	5.09	6.25	6.48	12.30	3.38	6.31	7.40
19	KHAMIS	29	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.38	6.31	7.40
20	JUMAAT	30	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40
21	SABTU	1 SYAWAL	4.57	5.07	6.24	6.46	12.29	3.36	6.31	7.40
22	AHAD	2	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40
23	ISNIN	3	4.56	5.06	6.23	6.46	12.28	3.34	6.31	7.40
24	SELASA	4	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 / 25 °C	32 / 25 °C	32 / 25 °C
Pekan Bangar	31 / 25 °C	32 / 25 °C	32 / 25 °C
Pekan Tutong	32 / 25 °C	32 / 25 °C	32 / 25 °C
Kuala Belait	32 / 25 °C	32 / 25 °C	32 / 25 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

18 MAC 2026

Memperkukuh, mempererat hubungan silaturahim

DALAM kesibukan persiapan untuk meraikan Aidilfitri yang tidak lama lagi, terisi didalamnya peluang keemasan buat kita semua untuk terus mempereratkan lagi hubungan yang sedia ada.

Sama ada meluangkan masa berkualiti bersama ahli keluarga, mengukuhkan ikatan dengan sahabat handai, atau menjaga hubungan dengan rakan sekerja, perayaan Hari Raya Aidilfitri merupakan peluang untuk berinteraksi dengan bermakna.

Semangat kebersamaan menyeluruh, mengingatkan kita akan kegembiraan yang timbul dari mengeratkan hubungan dengan orang yang kita sayangi. Jadi, ingatlah untuk berbual mesra dengan orang yang tersayang dan mendalami perbualan itu untuk mengukuhkan ikatan bersama.

Perlu diingat dan difahami, amalan menyambung dan memperkukuh hubungan persaudaraan serta kekeluargaan adalah dituntut dalam Islam, terutamanya melalui ziarah-menziarahi dan kemaafan.

Ia bertujuan menghapuskan dendam, mengeratkan ikatan yang retak dan setentunya meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala malah menjadi jambatan untuk menyatukan semula hubungan yang renggang.

Justeru, fahamilah dengan lebih mendalam mengenai mempereratkan lagi hubungan dan silaturahim kerana dalam tuntutan agama, memutuskan silaturahim adalah perbuatan yang dilarang keras.

Aidilfitri adalah waktu yang terbaik untuk membuang dendam dan kebencian serta menggantikannya dengan kemaafan yang tulus lagi ikhlas. Selain itu, amalan kunjung-mengunjung dan memohon maaf zahir dan batin menjadi medium utama untuk menyatukan kembali sanak saudara dan sahabat yang lama terpisah.

Secara ringkasnya, Aidilfitri bukan sekadar perayaan fizikal, tetapi peluang emas untuk memperbaiki hubungan sesama manusia bagi mendapat keberkatan Allah. Melalui sambutan Aidilfitri ini juga, hubungan sesama manusia akan wujud, walaupun mungkin ada dalam kalangan mereka yang bergaduh dan tidak baik antara satu sama lain sebelum ini tetapi kerana nilai yang ada dalam Aidilfitri itu hubungan mereka dapat dipelihara dan tali silaturahim itu dapat dikekalkan.

Silaturahim harus dikekalkan dan dipelihara oleh setiap umat Islam, ia bukan sahaja ketika menyambut Aidilfitri tetapi perlulah dijaga setiap masa. Dengan memeliharanya, kita akan menjadi seorang yang mudah didekati kerana kita tidak tergolong dalam golongan orang yang sombong.

Silaturahim sangat diambil berat oleh agama Islam dan ia cukup penting kepada manusia untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Aidilfitri adalah satu kesempatan yang diperoleh oleh setiap umat Islam dalam memelihara hubungan dengan keluarga, adik-beradik, saudara-mara, rakan-rakan dan sebagainya.

Jika hubungan dijaga dengan sebaiknya maka, ikatan silaturahim yang terbina di antara satu sama lain akan kekal dan mungkin akan lebih kukuh berbanding sebelum ini. Memelihara hubungan ini adalah perkara yang sangat diutamakan dalam Islam apatah lagi ketika menyambut Aidilfitri. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

MEMASTIKAN PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN DILAKSANAKAN SECARA BERHEMAH, BERDISIPLIN, BERINTEGRITI

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (kiri). Manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada persidangan berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah merangka pelaksanaan anggaran perbelanjaannya berpandukan kepada tiga keutamaan belanjawan negara yang telah ditetapkan.

Dalam mendukung keutamaan belanjawan yang pertama, iaitu memperkukuh kestabilan fiskal dan tadbir urus kewangan, JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan pengurusan kewangan kerajaan dilaksanakan secara berhemah, berdisiplin dan berintegriti.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dalam Perbahasan Peringkat Dasar pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, penekanan akan terus diberikan kepada prinsip *value for money* bagi setiap peruntukan agar perbelanjaan kerajaan memberikan manfaat optimum kepada pertumbuhan ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk secara berterusan.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, pelbagai program dan inisiatif akan dilaksanakan bagi memperkukuh amalan tadbir urus kewangan yang cemerlang dan meningkatkan keberkesanan penyampaian sektor awam selaras dengan program pengukuhan fiskal negara.

Dalam masa yang sama jelas Yang Berhormat, JPM melalui Jabatan Audit dan Unit Audit Dalaman akan terus melaksanakan pengauditan terhadap akaun-akaun yang dikenal pasti bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan kewangan, prosedur yang ditetapkan serta surat-surat keliling yang berkuat kuasa sekali gus memelihara tahap akuntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan kerajaan.

Di samping itu ujar Yang Berhormat, usaha memperkukuh pengurusan fiskal yang cekap, telus dan berakuntabiliti akan terus dipertingkatkan bagi memastikan tadbir urus kewangan negara kekal mampan dan berdaya tahan.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebagai sebahagian daripada langkah kecekapan meningkatkan perbelanjaan kerajaan, JPM melalui Jawatankuasa Keselamatan Negara melaksanakan pendekatan perolehan secara berskala besar melalui kaedah Fiscal Consolidation bagi mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan negara.

Dalam hubungan ini terang Yang Berhormat, Belanjawan Tahun Kewangan 2026/2027 menyediakan peruntukan bagi fasa pertama projek penyewaan 534 buah kenderaan untuk kegunaan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) yang juga akan diperluaskan kepada agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang lain dalam masa terdekat.

Terdahulu itu, Yang Berhormat menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan bagi penyediaan peruntukan sebanyak BND543,640,540, iaitu sebanyak BND319,635,230 bagi Gaji Kakitangan dan sebanyak BND224,5310,000 bagi Perbelanjaan Berulang-ulang.

Terus meningkatkan kualiti, kecekapan pengurusan haji, umrah

>> Muka 1

Penganugerahan yang berprestij ini terang Yang Berhormat, adalah bukti bahawa kualiti pengurusan haji NBD adalah di antara pengurusan yang terbaik. Selain itu, sistem ini juga telah memberikan kesan yang sangat positif dari sudut pendaftaran haji yang lebih sistematik dan teratur.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, setakat pertengahan bulan Mac 2026, sudah terdapat seramai 9,672 orang mendaftar untuk menunaikan ibadah haji, dan berdasarkan kepada kuota yang ada pada masa ini, mereka dijangkakan akan dapat menunaikan ibadah haji pada tahun 2046 sehingga 2059.

Jadi kerana itu menurut Yang Berhormat, peluang pendaftaran secara mudah seperti ini patutlah dipergunakan oleh golongan rakyat penduduk yang berusia sekitar remaja membawa kepada golongan 40-an.

Sebagai kesinambungan perkara ini tambah Yang Berhormat, KHEU dan dengan sokongan kerjasama serta persefahaman dengan operator-operator haji dan umrah akan terus meningkatkan kualiti dan kecekapan pengurusan haji dan juga umrah di luar musim haji dari segi perancangan, pengangkutan, bimbingan haji dan penjagaan kesihatan jemaah haji serta perkara-perkara yang berkaitan sesuai dengan peruntukan Kewangan Tahun 2026/2027 sekarang.

SUASANA Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis (atas dan kiri).

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

USAHA MEMPERKUKUH EKOSISTEM PELABURAN TERUS DIPERGIATKAN

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Usaha untuk memperkukuhkan ekosistem pelaburan akan terus dipergiatkan, termasuk melalui penambahbaikan persekitaran perniagaan, pengukuhan kerjasama antara sektor awam dan swasta, serta pembangunan kemahiran tenaga kerja tempatan agar selaras dengan keperluan industri.

Dalam memperkukuh usaha menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI), pihak kerajaan kini melaksanakan pendekatan yang lebih matang dan strategik.

Pendekatan ini melibatkan satu peralihan dalam strategi penarikan pelaburan, yang tidak lagi hanya tertumpu kepada promosi peluang pelaburan secara umum tetapi kini memberi penekanan kepada penyediaan dan pembentangan projek pelaburan yang telah dikenal pasti, tersusun, dan sedia untuk dilaksanakan, yang menggambarkan posisi Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam rantaian nilai serantau.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam Rumusan Perbahasan Peringkat Dasar pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, projek yang di promosi kepada pelabur kini disokong oleh maklumat yang lebih menyeluruh termasuk data ketersediaan tapak industri, infrastruktur dan utiliti, rangkaian pembekal tempatan serta ketersediaan tenaga kerja mahir.

Dengan adanya maklumat ini tambah Yang Berhormat, pelabur dapat menilai peluang pelaburan dengan lebih jelas, sekali gus meningkatkan kepastian (*certainty*), mengurangkan risiko, dan mempercepatkan proses membuat keputusan pelaburan.

Pendekatan ini ujar Yang Berhormat, dapat dilihat dalam fasa pembangunan industri hiliran minyak dan gas di Pulau Muara Besar. Syarikat Hengyi Industries, yang mana telah beroperasi lebih dari enam tahun, telah mewujudkan ekosistem industri yang matang, termasuk kemudahan infrastruktur seperti loji jana kuasa, jeti dan logistik serta kemudahan rawatan air.

Ketersediaan infrastruktur dan ekosistem ini terang Yang Berhormat, kini dimanfaatkan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

oleh Brunei Economic Development Board (BEDB) untuk menarik minat pelabur produk-produk hiliran seperti *aniline*, *isopropyl alcohol* dan sebagainya, sekali gus membolehkan projek baharu dilaksanakan dengan lebih cepat dan kos yang lebih kompetitif.

"Selain itu, pendekatan yang sama turut diterapkan dalam pembangunan sektor makanan melalui inisiatif seperti 'Brunei-Singapore Agri Tech Food Zone' (BN-SG ATFZ). Inisiatif ini memanfaatkan kekuatan kedua-dua belah pihak, di mana NBD menyediakan tapak serta persekitaran industri permakanan, manakala Republik Singapura menyumbang kepakaran industri, rangkaian pasaran serta akses kepada ekosistem makanan yang lebih luas," ujar Yang Berhormat lagi.

Jelas Yang Berhormat, secara keseluruhannya, pendekatan ini memastikan pelabur bukan sahaja melihat potensi peluang pelaburan, tetapi juga projek yang telah dibangunkan secara lebih terancang dengan model perniagaan yang jelas serta kedudukan yang kukuh dalam rantaian nilai serantau.

Melalui pendekatan yang lebih bersepadu ini kata Yang Berhormat, pelaburan yang dibawa masuk berpotensi menjana rantaian nilai yang lebih kukuh merentasi pelbagai sektor, di samping membuka peluang yang lebih luas kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta industri sokongan untuk turut terlibat dalam rantaian bekalan dan aktiviti nilai tambah.

Pendekatan ini menurut Yang Berhormat, membolehkan pelaburan asing bukan sahaja membawa masuk modal ke dalam negara, malah menyumbang secara lebih bermakna kepada usaha kepelbagaian ekonomi, pembangunan perusahaan tempatan serta pewujudan peluang pekerjaan yang berkualiti.

Manpower Blueprint memastikan aspirasi Wawasan Brunei 2035 tercapai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. – Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai pelaksanaan Manpower Blueprint yang diwujudkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bersama pihak Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) bagi memastikan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat 1, dapat dilaksanakan dengan berkesan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan perkara tersebut disokong dengan kerangka pemantauan dan pengukuran prestasi yang jelas.

Pertama, jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dari segi pengukur aspirasi di peringkat antarabangsa, kemajuan pembangunan modal insan negara dipantau melalui Global Talent Competitiveness Index (GTCI), iaitu satu indeks global yang menilai keupayaan sesebuah negara untuk membangun, menarik dan mengekalkan bakat berkualiti tinggi melalui beberapa dimensi utama seperti Enable, Attract, Grow, Retain, Vocational and Technical Skills serta Global Knowledge Skills.

"Kedua, di peringkat nasional, pelaksanaan Manpower Blueprint dipandu oleh satu struktur yang holistik yang merangkumi empat aspirasi utama, iaitu Pendidikan dan Latihan Dinamik; Rakyat yang Siap Siaga Masa Depan; Pembangunan Modal Insan yang Efektif; dan Pemudah cara Sistem Dukungan dan Struktur," ujar Yang Berhormat semasa pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

YANG Berhormat menambah, 13 hasil strategik dan 15 haluan dasar yang memandu pelaksanaan inisiatif; enam National Key Performance Indicators (NKPI) yang memantau pencapaian pembangunan tenaga manusia di peringkat makro; serta 24 Action Key Performance Indicators (AKPI) yang memantau keberkesanan pelaksanaan inisiatif secara lebih terperinci di bawah setiap aspirasi.

Yang Berhormat menambah, 13 hasil strategik dan 15 haluan dasar yang memandu pelaksanaan inisiatif; enam National Key Performance Indicators (NKPI) yang memantau pencapaian pembangunan tenaga manusia di peringkat makro; serta 24 Action Key Performance Indicators (AKPI) yang memantau keberkesanan pelaksanaan inisiatif secara lebih terperinci di bawah setiap aspirasi.

Menurut Yang Berhormat lagi, struktur ini membolehkan kemajuan pelaksanaan Manpower Blueprint dipantau secara berperingkat, berasaskan data dan berfokus kepada hasil.

Ketiga pula tambah Yang Berhormat, bagi memastikan Manpower Blueprint responsif terhadap cabaran masa hadapan, beberapa AKPI baharu juga telah diperkenalkan bagi memperkukuhkan pelaksanaan, antaranya peratus pelajar institusi pengajian tinggi yang mempunyai kemahiran dalam teknologi baharu dan kelestarian, bagi memastikan graduan dilengkapi kemahiran seperti Artificial Intelligence, Data Science dan inovasi hijau; Program Sahsiah Pelajar (PSP), yang mengukur tahap penglibatan aktif sekolah dalam pembangunan sahsiah, kepimpinan dan nilai; Pemantauan kes disiplin pelajar, termasuk insiden buli, pergaduhan dan penyalahgunaan dadah bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat.

Selain itu kata Yang Berhormat lagi, kadar belia NEET (Not in Employment, Education or Training) bagi memantau golongan belia yang berisiko terpinggir daripada sistem pendidikan dan pasaran pekerjaan; dan Indeks Kesediaan Smart Education (SERI) yang menilai tahap kesiapsiagaan institusi pendidikan dalam menghadapi transformasi teknologi dan Revolusi Industri Ke-4.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, bagi beberapa

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

indikator baharu ini, data tahun 2026 akan dijadikan sebagai penanda aras bagi memperkukuhkan pemantauan berasaskan bukti (*evidence based*) terhadap pelaksanaan Manpower Blueprint.

Melalui pengukur aspirasi di peringkat global jelas Yang Berhormat lagi, struktur NKPI dan AKPI yang komprehensif, serta indikator baharu yang lebih responsif terhadap keperluan masa hadapan, insyaaAllah, dengan izin-Nya jua, Manpower Blueprint akan dapat dilaksanakan secara berkesan dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berdaya saing selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PENDEKATAN DALAM MENANGANI KETIDAKMAMPUAN KEWANGAN PESAKIT

YANG Berhormat Menteri Kesihatan (atas). Manakala gambar kanan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan ingin menegaskan bahawa setiap individu berhak mendapatkan rawatan di hospital tanpa sebarang halangan.

Bagi pesakit yang menghadapi kesukaran kewangan, ujar Yang Berhormat, pihak hospital akan terlebih dahulu membuat penelitian terhadap keadaan pesakit dan latar belakang keluarga dan sekiranya keluarga mempunyai kemampuan, mereka boleh membantu melunaskan bil sama ada secara tunai atau melalui ansuran.

"Namun, jika hasil penilaian menunjukkan pesakit dan keluarga benar-benar tidak mampu, pesakit akan dirujuk kepada Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan. Di sinilah permohonan bantuan akan diproses melalui skim-skim sedia ada seperti Skim Kebajikan Negara (SKN) dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB).

"Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan akan membuat penilaian lebih terperinci, termasuk lawatan ke kediaman pesakit dan semakan status kewangan. Jika didapati pesakit atau keluarga masih mampu, bayaran ansuran akan diaturkan," terang Yang Berhormat semasa menjawab pertanyaan lisan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, berhubung dengan tindakan kementerian dalam menangani ketidakmampuan kewangan bagi individu yang menghadapi halangan mendapatkan rawatan selain kemudahan bayaran ansuran dan skim bantuan sedia ada.

Pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat seterusnya menyatakan bagi pesakit yang sudah menerima bantuan JUZWAB atau SKN, mereka tetap boleh dirujuk untuk permohonan tambahan bagi melunaskan bil perubatan.

Jelas Yang Berhormat lagi, sekiranya permohonan bantuan ditolak oleh agensi berkaitan, hospital akan menggunakan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

Tabung Amal Bantuan Pesakit – tertakluk kepada baki tabung tersebut – bagi memastikan pesakit tetap mendapat rawatan.

"Bagi memastikan proses permohonan bantuan dilaksanakan dengan teratur, pihak hospital akan memastikan semua dokumen sokongan dikemukakan, termasuk maklumat insurans, borang aku janji, butiran perbelanjaan bulanan, serta dokumen pengenalan pesakit dan penjamin.

"Dengan langkah-langkah ini, Kementerian akan dapat memastikan bahawa pesakit yang benar-benar tidak berkemampuan tetap mendapat rawatan tanpa halangan," terang Yang Berhormat.

Kesihatan mental perlu penilaian klinikal secara menyeluruh

AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan keadaan kesihatan mental memerlukan penilaian klinikal yang menyeluruh sebelum rawatan dimulakan, bagi memastikan diagnosis yang tepat dan pengurusan yang selamat.

Pada masa ini, tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, penyakit yang lazim seperti kemurungan dan gangguan kebimbangan boleh diuruskan di peringkat pusat kesihatan, termasuk di klinik swasta.

"Ubat antidepresan juga tersedia di beberapa klinik swasta di Negara Brunei Darussalam, dengan syarat, pesakit berada di bawah jagaan doktor berkelayakan serta mendapat rawatan susulan yang sewajarnya. Bagi keadaan yang lebih kompleks seperti gangguan psikotik dan gangguan bipolar, rawatan memerlukan penilaian pakar, permulaan yang teliti dan pemantauan berterusan.

"Kes-kes ini lebih sesuai diuruskan dalam perkhidmatan kesihatan mental pakar, bagi menjamin keselamatan pesakit dan kesinambungan rawatan," terang Yang Berhormat semasa menjawab pertanyaan lisan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai kementerian akan mempertimbangkan untuk memperluas akses ubat kesihatan mental tertentu ke farmasi atau klinik swasta, khususnya bagi pesakit yang memerlukan rawatan alternatif atau jangka panjang melebihi rawatan barisan pertama.

Pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa menyokong pendekatan holistik dalam menangani isu kesihatan mental.

Rawatan yang disediakan adalah berasaskan amalan berasaskan bukti, termasuk rawatan psikiatri, kaunseling dan intervensi psikososial yang dikendalikan oleh profesional terlatih.

Dalam masa yang sama, jelas Yang Berhormat, negara juga meneroka pendekatan sokongan lain yang selaras dengan nilai agama dan budaya setempat.

Kongsi Yang Berhormat, kerjasama telah dijalankan bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam pembangunan modul berkaitan rawatan berteraskan kerohanian sebagai pelengkap kepada rawatan sedia ada.

Pendekatan ini masih dalam peringkat pembangunan dan penelitian, dan sebarang pelaksanaan rasmi akan tertakluk kepada penilaian teliti bagi memastikan keselamatan, keberkesanan dan kesesuaiannya dengan kerangka perkhidmatan kesihatan negara.

"InsyaaAllah, dengan gabungan rawatan klinikal, psikososial dan sokongan berteraskan nilai setempat, usaha memperkukuh kesihatan mental akan terus diperkasa demi kesejahteraan rakyat," ujar Yang Berhormat.

Pendekatan Whole of Nation pastikan aspirasi pembangunan direalisasikan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. – Dalam menghadapi cabaran masa hadapan, Kerajaan menyedari bahawa usaha membangunkan ekonomi negara memerlukan pendekatan Whole of Nation, yang melibatkan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta serta rakyat secara keseluruhannya.

Oleh itu, kerajaan akan terus mengalu - alukan pandangan dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan setiap inisiatif pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan demikian semasa menyampaikan Rumusan Perbahasan Peringkat Dasar pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dalam masa yang sama jelas Yang Berhormat, kerajaan akan terus memfokuskan usaha ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, melalui pelaksanaan strategi-strategi yang telah digariskan dalam Economic Blueprint, Social Blueprint dan Manpower Blueprint.

Menurut Yang Berhormat lagi, kejayaan pelan-pelan ini bukan sahaja bergantung kepada perancangan dasar, tetapi juga kepada keberkesanan pelaksanaan serta pemantauan yang berterusan bagi memastikan setiap inisiatif mencapai hasil yang dihasratkan.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dalam hal ini tambahnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi jua akan terus berusaha untuk memperluaskan lagi pendekatan konsultatif dalam penyediaan perbelanjaan negara bukan sahaja dengan melibatkan sektor swasta malah jua diperingkat akar umbi.

Yang Berhormat berkata, pendekatan yang lebih inklusif ini adalah amat penting bagi memastikan pencapaian aspirasi pembangunan jangka panjang negara dan matlamat Wawasan Brunei 2035 dapat direalisasikan.

"Kerajaan komited untuk meneliti setiap pandangan tersebut dan akan terus berusaha memastikan Belanjawan Negara ini dapat dilaksanakan dengan berkesan demi memperkukuh daya tahan ekonomi negara serta merealisasikan aspirasi bersama ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

JABATAN BURUH LAKSANAKAN MEKANISME PENGAWALSELIAAN, PENGUATKUASAAN SECARA BERTERUSAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan, penindasan atau eksploitasi tenaga kerja di sektor swasta, Jabatan Buruh telah dan akan terus melaksanakan beberapa mekanisme pengawalseliaan serta penguatkuasaan secara berterusan.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, pertama, melalui pelaksanaan National Labour Management System (NLMS) yang mula digunakan pada 4 April 2023, di mana sistem ini membolehkan proses permohonan Lesen Pengambilan Pekerja Asing (LPA) dilaksanakan secara dalam talian bagi menggantikan kaedah manual yang sebelum ini dikeluarkan secara fizikal.

"Pelaksanaan sistem ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengurusan permohonan, malah turut membolehkan perkongsian data dilaksanakan secara lebih berkesan bersama agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan, termasuk Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi tujuan pengeluaran visa," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Melalui perkongsian data ini tambah Yang Berhormat, sebarang kemungkinan penyalahgunaan LPA dapat dikenal pasti dan dicegah lebih awal, di samping membolehkan semakan terhadap pekerja yang tersenarai dalam pangkalan data dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dari segi perlindungan undang-undang kepada pekerja, di bawah Bab 10, Akta Pekerjaan Penggal 278, setiap majikan hendaklah menandatangani Kontrak Perkhidmatan (Employment Contract) antara majikan dan pekerja.

Kontrak ini menurut Yang Berhormat lagi, mengandungi terma-terma asas pekerjaan termasuk butiran pekerjaan seperti nama majikan, nama pekerja, jawatan, tempat bekerja dan tarikh mula bekerja; kadar gaji dan bayaran kerja lebih masa; waktu bekerja dan hari rehat; kelayakan cuti; notis penamatan kontrak perkhidmatan; serta aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tambah Yang Berhormat lagi, keperluan ini bertujuan memastikan hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak dinyatakan dengan jelas bagi mengelakkan sebarang bentuk eksploitasi atau salah guna kuasa oleh majikan.

Menyokong usaha kerajaan mewujudkan persekitaran perniagaan cekap, kondusif

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. – Sejak tahun 2022, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Jabatan Buruh telah melaksanakan beberapa inisiatif pembaharuan bagi memudah cara urusan pelaburdan pelaburan, peniaga dan perniagaan termasuk majikan danpekerja, sekali gus menyokong usaha kerajaan dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih cekap dan kondusif.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh JIPK termasuklah pengenalan dasar baharuiaitu Long-Term Pass yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2024.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Selain itu menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, proses pengeluaran visa kerja juga telah dipermudahkan di mana kebenaran visa kini boleh dikeluarkan secara terus selepas kelulusan Lesen Pengambilan Pekerja Asing (LPA) dari Jabatan Buruh dan langkah ini telah berjaya memendekkan tempoh pemprosesan visa daripada sekitar 14 hari bekerja kepada kira-kira tiga hari bekerja.

"Di samping itu, JIPK turut memperluaskan aturan pengecualian visa bagi memudahkan kemasukan warganegara asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD) di mana setakat ini sebanyak 67 buah negara telah mempunyai aturan pengecualian visa dengan NBD, manakala lima buah negara telah diberikan kemudahan Visa on Arrival," ujar Yang Berhormat pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selaras dengan usaha memudah cara aktiviti pelaburan dan penerokaan peluang perniagaan tambah Yang Berhormat, visa profesional atau visa perniagaan akan diberikan kepada warganegara dari negara-negara yang mempunyai aturan pengecualian visa dengan NBD dengan syarat adanya surat penjamin yang terdiri daripada syarikat-syarikat swasta yang berdaftar di negara ini.

Walau bagaimanapun kemasukan adalah tertakluk kepada peraturan dan penilaian dari JIPK. Manakala bagi warganegara asing yang berhasrat untuk meneroka peluang pelaburan di NBD akan diberikan Professional Visit Visa/Pass bagi tempoh 12 bulan dengan syarat permohonan mereka mendapat sokongan dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Di samping itu kata Yang Berhormat lagi, JIPK telah juga melaksanakan Pusat Kaunter Setempat (One Stop Counter) yang dikenali sebagai Kaunter Perkhidmatan Visa dan Pas yang terletak di Tingkat 2, Bahagian Visa dan Pass, Bangunan Ibu Pejabat JIPK yang menggabungkan kaunter-kaunter permohonan bagi perkhidmatan persendirian (visa dan penyambungan), kerajaan, permohonan visa lawatan dan penyambungan pas lawatan yang dahulunya ditempatkan di Tingkat 1 dan 2, Bangunan Ibu Pejabat JIPK yang bertujuan untuk meningkatkan efisiensi perkhidmatan kepada orangramai.

"Alhamdulillah, penggunaan sistem e-Gate yang mula digunakan pada 10 Disember 2025 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) turut membantu mempercepatkan proses keluar masuk di mana setakat 5 Mac 2026 seramai 39,490 orang telah menggunakan e-Gate berkenaan.

"Di bawah Jabatan Buruh, antara pembaharuan utama termasuk pelaksanaan National Labour Management System (NLMS) yang membolehkan permohonan berkaitan pekerja asing dilaksanakan ataupun dipohonkan secara dalam talian, menggantikan kaedah permohonan secara manual di kaunter. Inisiatif ini memudahkan urusan peniaga, majikan serta agensi pekerjaan berdaftar dalam menghadapkan permohonan dengan lebih cepat dan cekap," ujar Yang Berhormat.

Selain itu tambah Yang Berhormat lagi, pelaksanaan Jaminan Insurans Takaful Pekerja Asing turut diperkenalkan sebagai alternatif kepada kaedah deposit keselamatan bagi pengambilan pekerja asing. Melalui kaedah ini, majikan hanya perlu membayar premium insurans sebagai jaminan keselamatan, berbanding kaedah jaminan bank atau deposit tunai yang sebelum ini memerlukan jumlah bayaran yang lebih tinggi. Inisiatif ini didapati dapat membantu mengurangkan kos operasi perniagaan khususnya bagi syarikat yang menggaji bilangan pekerja asing yang ramai.

Secara keseluruhannya jelas Yang Berhormat, pelaksanaan pelbagai inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam mempertingkatkan kecekapan penyampaian Perkhidmatan Awam melalui pendigitalan sistem, penyelarasan proses antara agensi serta penambahbaikan prosedur yang sedia ada, selaras dengan usaha kerajaan dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih cekap, telus dan kondusif bagi menyokong pertumbuhan ekonomi NBD sertamenarik pelaburan berkualiti ke negara ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, pendekatan ini juga selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 di bawah Matlamat 3, iaitu Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

"ALHAMDULILLAH, penggunaan sistem e-Gate yang mula digunakan pada 10 Disember 2025 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) turut membantu mempercepatkan proses keluar masuk di mana setakat 5 Mac 2026 seramai 39,490 orang telah menggunakan e-Gate berkenaan.

"Di bawah Jabatan Buruh, antara pembaharuan utama termasuk pelaksanaan National Labour Management System (NLMS) yang membolehkan permohonan berkaitan pekerja asing dilaksanakan ataupun dipohonkan secara dalam talian, menggantikan kaedah permohonan secara manual di kaunter. Inisiatif ini memudahkan urusan peniaga, majikan serta agensi pekerjaan berdaftar dalam menghadapkan permohonan dengan lebih cepat dan cekap," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

MEMPERGIAT USAHA MENJANA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, usaha-usaha bagi menjana lebih banyakpeluang pekerjaan yang dilaksanakanoleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi adalah tertumpu antara lainnyamelalui tiga pemacu utama ekonomi.

Menurut Yang Berhormat, pertama, melalui peningkatan aktiviti Pelaburan Langsung Asing (FDI); kedua, melalui pertumbuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan; serta ketiga, dengan adanya perkembangan operasi bagi Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan, (GLCs) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berucap demikian semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, berhubung dengan usaha kementerian dalam menjana lebih banyak lagi peluang pekerjaan.

"Pertama, dari segi menarik FDI, kerajaan terus mempergiat usaha promosi pelaburan yang strategik bagi menarik kemasukan pelaburan berkualiti ke NBD, sekali gus menyokong perwujudan lebih banyak peluang pekerjaan.

"Setakat bulan Januari 2026, lebih kurang 4,000 peluang pekerjaan telah dijana melalui 25 buah syarikat FDI yang sedang beroperasi di NBD, yang manaproses pelaksanaannya juga telah membantu menjana pelbagai peluang pekerjaan *spin-off* kepada syarikat-syarikat tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, hasil daripada usaha ini, anak-anak tempatan yang terlibat berpeluang untuk mendapatkan manfaat daripada pemindahan, pengetahuan dan teknologi ataupun *knowledge and technology transfers* dan peluang pekerjaan melalui program-program pembangunan sumber tenaga manusia dalam pelbagai bidang.

Sebagai contah jelas Yang Berhormat, Syarikat Brunei Fertilizer Industry Sendirian Berhad, Syarikat Hengyi Industries Sendirian Berhad dan Barramundi Asia Sendirian Berhad terus menyediakan pelbagai kursus latihan kemahiran asas, teknikal dan pengkhususan termasuk program-program penempatan di dalam industri masing-masing sebagai rancangan jangka panjang pembangunan kapasiti dan persiapan bagi anak-anak tempatan untuk mengambil alih operasi syarikat-syarikat berkenaan di masa hadapan.

Yang Berhormat menambah, pendekatan ini bertujuan memastikan rakyat tempatan bukan sahaja mendapat peluang pekerjaan tetapi juga berkembang menjadi tenaga kerja yang lebih berkualiti dan berdaya saing dalam jangka panjang.

Kedua jelas Yang Berhormat, kementerian juga memberi penekanan kepada pembangunan PMKS tempatan dalam usaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tempatan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuk program-program pembangunan keusahawanan dan peningkatan perniagaan.

Hasil daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini tambah Yang Berhormat, sejak tahun 2018 sebanyak 797 peluang pekerjaan termasuk *self-employment* telah dijana melalui penubuhan 519 buah syarikat baharu hasil daripada penyertaan dalam program Micro Bootcamp.

Yang Berhormat menambah, manakala 869 peluang pekerjaan lagi termasuk *self-employment* telah diwujudkan melalui 174 syarikat baharu hasil daripada penyertaan dalam program Accelerate Bootcamp.

"Selain itu, beberapa buah syarikat *start-up* telah mengembangkan perniagaan dengan membuka cawangan baharu, memperkenalkan produk dan perkhidmatan tambahan serta peroleh kontrak baharu dan perkembangan ini insyaaAllah akan dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

"Ketiga, GLCs turut memainkan peranan penting dalam menyokong mewujudkan peluang pekerjaan tempatan melalui perkembangan operasi, pembangunan projek baharu serta pelaksanaan pelaburan strategik dalam sektor-sektor keutamaan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sepanjang enam tahun kebelakangan, iaitu dari akhir Tahun Kewangan 2020/2021 hingga suku ketiga Tahun Kewangan 2025/2026 prorata peningkatan pekerjaan secara keseluruhan bagi kumpulan syarikat Darussalam Assets adalah sebanyak 6.61 peratus dengan jumlah pekerjaan tempatan meningkat dari 5,585 di Tahun Kewangan 2020/2021 ke 7,811 setakat suku ketiga Tahun Kewangan 2025/2026 di mana 86 peratus daripada tenaga kerja tersebut terdiri daripada warga tempatan.

Jelas Yang Berhormat, usaha ini diperkukuhkan lagi dengan adanya pelancaran Centralised Recruitment System, iaitu sebuah platform

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

pengambilan pekerja bagi Darussalam Assets dan kumpulan syarikat Darussalam Assets.

Setakat ini kata Yang Berhormat, sebanyak 33,467 bilangan pengguna telah mendaftar dan sebanyak 1,207 daripada 1,743 jawatan pekerjaan telah diisi melalui platform tersebut.

"GLCs jua digalakkan untuk menawarkan gaji yang bersesuaian dengan tahap kelulusan dan kemahiran serta mengikut kadar pasaran dengan struktur imbuhan yang sentiasa dikaji dan ditambah baik tertakluk kepada kemampuan dan prestasi kewangan syarikat.

"Pada masa yangsama, penekanan turut diberikan kepada latihan pemindahan teknologi dan pembangunan bakat bagi memastikan rakyat tempatan bersedia mengisi jawatan selaras dengan keperluan industri dan Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Dapatan penyelidikan IPT menyokong pembangunan sektor pertanian, perikanan, perhutanan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) sememangnya memberi perhatian kepada penggunaan dapatan penyelidikan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan bagi menyokong pembangunan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan secara lebih berasaskan data dan bukti, *evidence-based*.

Kerjasama ini bukan saja bertujuan menghasilkan pengetahuan baharu tapi juga untuk memastikan dapatan penyelidikan dapat diaplikasikan kepada kecerdasan perniagaan, *business intelligence*, penggubalan dasar, keputusan operasi dan pembangunan rantaian nilai ekonomi.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Dalam sektor pertanian dan agrimakanan, kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bekerjasama dengan IPT tempatan dalam menjalankan kajian berkaitan teknologi pengeluaran, kelestarian tanah dan peningkatan nilai produk.

"Dapatan pengajian ini akan diuji melalui projek rintis bersama pengusaha dan peladang tempatan sebelum dijadikan sebagai garis pandu atau amalan industri," ujar Yang Berhormat.

Sebagai contoh jelas Yang Berhormat, kajian dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkaitan dengan *regenerative agriculture* memberi tumpuan kepada pemulihan kesuburan tanah, peningkatan biodiversiti serta pengurangan penggunaan bahan kimia dalam pengeluaran tanaman.

Menurut Yang Berhormat, pendekatan ini bukan saja menyokong kelestarian pertanian tetapi juga meningkatkan kualiti produk dan potensi nilai tambah dalam pasaran. Selain itu, penyelidikan berkaitan pemprosesan makanan turut dijalankan bagi menentukan jangka hayat produk serta meningkatkan standard pembungkusan dan keselamatan makanan dan dapatan ini membantu pengusaha meningkatkan kebolehpasaran produk serta menyokong pengembangan pemasaran.

Dalam sektor perikanan jelas Yang Berhormat, penyelidikan bersama IPT memberi tumpuan kepada penggunaan industri akuakultur yang lebih berdayatahan dan berasaskan teknologi.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, antara fokus utama termasuk penerapan teknologi akuakultur pintar dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei termasuk sistem pemantauan, kualiti air dan pengurusan kolam berasaskan data bagi meningkatktan produktiviti serta mengoptimumkan penggunaan sumber.

Kedua kata Yang Berhormat lagi, ialah kajian berkenaan dengan biosekuriti dan pemantauan Antimicrobial Resistance (AMR) yang dilaksanakan dengan Univesiti Brunei Darussalam (UBD) di kawasan industri ternakan ikan dalam sangkar bagi memperkukuhkan jaminan kesihatan dan kelestarian industri.

Tambah Yang Berhormat, dapatan penyelidikan ini membantu penyediaan maklumat penting yang boleh digunakan oleh pengusaha dalam membuat keputusan operasi yang lebih tepat serta menyokong pembangunan industri akuakultur yang lebih berdaya saing.

Dalam sektor perhutanan jelas Yang Berhormat lagi, dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh IPT tempatan seperti Institute for Biodiversity and Environmental Research, IBER, UBD telah membantu memperkukuhkan asas data dan pengetahuan dalam pengurusan sumber hutan negara.

Menurut Yang Berhormat, penyelidikan tersebut merangkumi pemantauan biodiversiti hutan tropika, kajian hidupan liar di Taman Negara Ulu Temburong serta kajian berkaitan ekosistem hutan paya gambut dan habitat semula jadi.

"Dapatan ini digunakan sebagai rujukan dalam menyokong penggubalan dasar, perancangan guna tanah serta pelaksanaan pengurusan hutan yang lebih mampan.

"Dengan memanfaatkan keunikan khazanah alam semula jadi negara ini dapat diketengahkan sebagai produk pelancongan berasaskan penyelidikan yang bernilai tinggi sekali gus mempromosikan produk ekopelancongan," ujar Yang Berhormat.

>> Muka 8

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

TERUS MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN OPERASI, KESIAPSIAGAAN TERHADAP SEBARANG KECEMASAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan - jabatan yang berkaitan terus mempertingkatkan keupayaan operasi, kesiapsiagaan serta respons terhadap sebarang insiden kecemasan dan bencana.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dalam kenyataannya pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menjelaskan, dalam perbahasan di peringkat dasar pada 16 Mac 2026 yang lalu, pembekalan 10 dari 30 buah jentera Water Tender Ladder secara pajak sewa pada bulan November 2025 kini telah ditempatkan di balai-balai bomba di seluruh negara.

Pembekalan ini menurut Yang Berhormat, bertujuan untuk meningkatkan keupayaan operasi, memperkukuhkan keberkesanan pengkerahan jentera serta mempercepatkan respons terhadap insiden kecemasan, demi memastikan perlindungan nyawa dan harta benda dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif.

"Alhamdulillah, semasa insiden ketiadaan bekalan air baru-baru ini, 10 buah jentera Water Tender Ladder ini telah turut dikerahkan bagi membantu Kementerian Pembangunan untuk mengisi tangki-tangki air di tempat-tempat strategik seperti Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Kesihatan Berakas, Pusat Dialisis, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Bangunan Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas dan beberapa buah bangunan-bangunan kerajaan lainnya sehingga kerja-kerja pembaikan paip di Kampung Layong selesai dilaksanakan dan pembekalan air stabil," ujar Yang Berhormat lagi.

Selain itu tambah Yang Berhormat, usaha memperkukuhkan kesiapsiagaan infrastruktur kebombaan turut dilaksanakan melalui projek penggantian pili-pili bomba di seluruh negara di mana fasa pertama telah selesai dilaksanakan pada Jun 2024 melibatkan penggantian 350 buah pili bomba dengan kos sebanyak BND598,786.

Manakala fasa kedua jelas Yang Berhormat lagi, telah mula dilaksanakan pada 23 Disember 2025, yang turut melibatkan penggantian 350 buah pili bomba, termasuk di kawasan Kampong Ayer, juga telah selesai dilaksanakan pada Februari tahun ini.

"Dalam masa yang sama, keupayaan operasi penyelamat turut dipertingkatkan melalui penaiktarafan Pasukan Urban Search And Rescue (USAR) Kebangsaan yang kini dikenali sebagai SATREA iaitu Special Technical Rescue Assistance sejak 13 Mei 2025.

"Langkah ini bertujuan untuk melengkapkan pasukan berkenaan dengan keupayaan yang lebih mantap dalam bidang *urban search and rescue,* di samping mempersiapkan pasukan ini ke arah mendapatkan pengiktirafan antarabangsa di bawah International Search and Rescue Advisory Group iaitu INSARAG," ujar Yang Berhormat lagi.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

ANTARA yang hadir pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Memperkasa komuniti, meningkatkan pembangunan sosioekonomi di peringkat setempat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) juga terus memberi perhatian kepada usaha memperkasa komuniti serta meningkatkan pembangunan sosioekonomi di peringkat setempat, khususnya melalui penglibatan aktif masyarakat dalam pelbagai inisiatif pembangunan komuniti.

Pendekatan ini bertujuan memperkukuh daya tahan komuniti serta membuka lebih banyak peluang kepada penduduk tempatan untuk menyertai aktiviti ekonomi secara lebih inklusif dan mampan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dalam kenyataannya pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menjelaskan, dalam hubungan ini, kementerian melalui jabatan-jabatan daerah terus menyokong secara berterusan inisiatif di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Jelas Yang Berhormat lagi, antara sokongan yang telah dilaksanakan termasuk penubuhan Pusat 1K1P di Kuala Belait melalui pengubahsuaian bangunan bekas Pejabat Pos Lama yang telah dirasmikan pada 9 November 2025.

Pusat ini tambah Yang Berhormat, berfungsi sebagai platform pemasaran bagi produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh pengusaha komuniti. Sehingga penghujung Februari 2026, seramai 109 orang pengusaha tempatan, termasuk peserta Projek TUNAS BIBD dan Bruneian Made telah menyertai pusat tersebut dengan jumlah jualan berjumlah BND17,245 bagi tempoh November 2025 hingga Februari 2026.

"Selain itu, beberapa buah Kedai Kampung turut diwujudkan di beberapa daerah sebagai platform tambahan untuk memasarkan produk tempatan yang dihasilkan oleh usahawan tempatan.

"Antaranya termasuk Kedai Kampung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan yang mula beroperasi pada 1 Februari 2026 serta Kedai Kampung di Kantin Dewan Muhibbah di Daerah Brunei dan Muara yang mula beroperasi pada 24 November 2025.

"Sementara itu, di Daerah Temburong, Bangunan Kedai Rakyat Jati di Pekan Bangar telah dinaik taraf sebagai Kedai Kampung yang menempatkan sekitar 200 pengusaha produk tempatan dengan purata jualan sekitar BND40,000 sebulan.

"Di kesempatan ini, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berkenaan serta beberapa orang Ahli-ahli Yang

"SELAIN itu, beberapa buah Kedai Kampung turut diwujudkan di beberapa daerah sebagai platform tambahan untuk memasarkan produk tempatan yang dihasilkan oleh usahawan tempatan. "Antaranya termasuk Kedai Kampung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan yang mula beroperasi pada 1 Februari 2026 serta Kedai Kampung di Kantin Dewan Muhibbah di Daerah Brunei dan Muara yang mula beroperasi pada 24 November 2025.

>> Muka 7

Selain itu, tambah Yang Berhormat, dapatan penyelidikan seperti pengiraan asas karbon melalui inventori sumber hutan negara turut menyediakan data penting mengenai stok karbon hutan yang berpotensi menyokong pembangunan inisiatif karbon hutanserta memperkukuhkan rancangan strategik kementerian terutama sekali bagi membolehkan negara melaksanakan *carbon trading initiative*.

Yang Berhormat menambah, pendekatan berasaskan penyelidikan dan data ini seterusnya menyokong pembuatan keputusan yang lebih berinformasi, memperkukuhkan pembangunan rantaian nilai ekonomi berasaskan sumber hutan serta membuka peluang baharu dalam ekonomi hijau.

Secara keseluruhannya, tambah Yang Berhormat, kerjasama penyelidikan antara kementerian dan IPT tempatan memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan sumber-sumber utama negara didorong oleh data inovasi dan pengetahuan saintifik dan pendekatan ini bukan sahaja menyokong penggubalan dasar yang lebih berkesan malah membantu meningkatkan produktiviti industri, mengukuhkan rantaian nilai ekonomi serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dalam sektor-sektor berkenaan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

KERJASAMA TERUS DIPERKUKUH BAGI MEMASTIKAN DAYA TAHAN SEKTOR TENAGA NEGARA

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Jabatan Tenaga terus memperkukuh kerjasama antarabangsa, serantau dan domestik bagi memastikan penetapan *energy mix* negara adalah berasaskan kajian teknikal, ekonomi serta penilaian risiko termasuk melalui kerjasama dengan ERIA, ASEAN Centre For Energy, ACE dan Asia-Pacific Economic Cooperation, APEC dalam pemodelan senario energy mix jangka panjang.

Integrasi tenaga boleh diperbaharui ke arah mencapai sasaran meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2035 di bawah Brunei National Climate Change Policy serta penilaian kebolehlaksanaan teknologi rendah karbon seperti hidrogen hijau, *e-fuels* dan *carbon capture* dan *storage*.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan yang diminta oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

INTEGRASI tenaga boleh diperbaharui ke arah mencapai sasaran meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2035 di bawah Brunei National Climate Change Policy serta penilaian kebolehlaksanaan teknologi rendah karbon seperti hidrogen hijau, *e-fuels* dan *carbon capture* dan *storage*.

Dapatan kajian ini kata Yang Berhormat Menteri, menjadi input penting dalam penetapan strategi tenaga negara khususnya bagi jangka masa sederhana dan panjang menuju tahun 2035 dan seterusnya. Bagi jangka masa sederhana, tumpuan diberikan kepada pengukuhan infrastruktur tenaga elektrik bagi menyokong pengintegrasian tenaga boleh diperbaharui termasuk tenaga suria di samping memajukan projek tenaga elektrik rentas sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD) - Sarawak sebagai sebahagian daripada inisiatif ASEAN Power Grid, selaras dengan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada September 2025.

Bagi jangka masa panjang pula tambah Yang Berhormat, tumpuan diberikan kepada penilaian potensi pembangunan teknologi rendah karbon. Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN, bagi NBD menyokong pembangunan projek hiliran bernilai tinggi serta meningkatkan daya saing dan daya tahan sektor tenaga negara.

Manakala di peringkat domestik kata Yang Berhormat, pihak jabatan turut bekerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi memperkukuh penyelidikan, analisis teknikal serta pembangunan kapasiti tempatan dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan teknologi rendah karbon.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

"InsyaaAllah, melalui kerjasama berterusan bersama rakan antarabangsa, serantau dan institut tempatan, penetapan *energy mix* negara akan terus diperkukuh secara terancang bagi memastikan keselamatan, keterjaminan dan daya tahan sektor tenaga negara dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi serta perubahan lanskap tenaga global," ujar Yang Berhormat lagi.

Kestabilan domestik, perlindungan kebajikan rakyat diutamakan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Tidak dinafikan kos sara hidup telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan fenomena tersebut bukan sahaja berlaku di Negara Brunei Darussalam malah turut dialami oleh negara-negara lain di seluruh dunia.

Sebahagian besar peningkatan tersebut berpunca daripada gangguan rantaian bekalan dunia (*global supply chain*) serta ketidaktentuan harga tenaga akibat ketegangan geopolitik yang secara langsung juga memberi impak kepada ekonomi negara.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck mengenai pertumbuhan kos sara hidup dan pendapatan sebenar rakyat serta dasar fiskal kerajaan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dalam menghadapi tekanan antarabangsa tersebut, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus mengambil langkah berhemah bagi memastikan kestabilan domestik dan perlindungan kebajikan rakyat khususnya bagi golongan yang memerlukan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa kenaikan harga barangan pengguna akibat rantaian bekalan dan peningkatan kos import boleh memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat.

Namun demikian terangnya, kerajaan akan terus mengurangkan beban kos sara hidup khususnya melalui pengekalan harga barangan bersubsidi seperti beras dan bahan api pada tahap yang sedia ada.

"Tanpa sokongan subsidi ini, tambah Yang Berhormat, rakyat akan lebih terkesan oleh tekanan inflasi sebagaimana yang dialami di kebanyakan negara lain," tambah Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, bantuan dan subsidi perlu disasarkan secara lebih terarah kepada golongan yang benar-benar memerlukan dengan memanfaatkan Sistem Kebajikan Negara (SKN) bagi memastikan keberkesanan serta keadilan pengagihan.

Selain itu, pihak kerajaan turut menyediakan perlindungan sosial bagi golongan yang terkesan melalui beberapa inisiatif, antaranya ialah jaminan gaji minimum dan kebajikan pekerja, di mana kerajaan komited melindungi hak pekerja termasuk pekerja sambilan melalui Akta Perintah Pekerja Penggal 278.

"Langkah tersebut merangkumi penguatkuasaan perintah pekerjaan upah minimum bagi mengelakkan bayaran gaji yang terlalu rendah serta memastikan kebajikan majikan dan pekerja sama-sama terjaga," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, bagi memastikan kesejahteraan pekerja di hari persaraan, Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) telah diperkenalkan dan diwajibkan bagi semua pekerja tempatan di sektor formal termasuk pekerja sambilan untuk menjamin simpanan hari tua, sementara bagi pekerja *gig*, caruman kepada SPK adalah secara sukarela selaras dengan amalan di negara-negara lain.

Dalam pada itu, bagi memastikan pasaran kerja yang mampan, kerajaan menekankan pendekatan yang bersepadu termasuk kerjasama rapat bersama dengan pihak industri seperti menyelaraskan latihan agar relevan dengan keperluan industri, membangunkan saluran kemahiran untuk tempoh sederhana iaitu 2 hingga 5 tahun; melaksanakan proses tempatan pekerja tempatan, *localization* secara berperingkat dengan penanda aras yang jelas dan sistematik.

Kerajaan juga katanya, terus giat menarik pelaburan langsung asing berkualiti dalam beberapa sektor keutamaan untuk menjana peluang pekerjaan yang melampaui kapasiti ekonomi semasa.

Sepertimana dirumuskan semasa pembentangan kertas

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

cadangan Rang Undang-undang Pembekalan bagi Tahun 2026/2027 pada 14 Mac 2026 yang lalu, beberapa projek FDI kini dalam fasa pelaksanaan dan dijangka akan menawarkan banyak peluang pekerjaan bagi anak tempatan apabila beroperasi sepenuhnya nanti.

Langkah-langkah ini akan membantu meningkatkan pendapatan rakyat dan seterusnya bagi menangani impak kos sara hidup yang meningkat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

JPA KUMPUL DATA KEHADIRAN KAKITANGAN AWAM NILAI IMPAK SISTEM INTEGRASI

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada masa ini sedang melaksanakan proses pengumpulan data selama tiga bulan mulai bulan Januari hingga Mac 2026 melalui Sistem Sumber Manusia (SSM) bagi meneliti waktu-waktu kehadiran dan waktu keluar pejabat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.

Demikian dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas, mengenai kesan sistem persekolahan integrasi terhadap waktu keluar masuk kakitangan kerajaan, termasuk jika ada terjejas pelancaran tugas, keberkesanan operasi pejabat serta mutu Perkhidmatan Awam.

Perkara tersebut dijelaskan pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Data tersebut akan digunakan bagi JPA mengkaji dan meneroka inisiatif bersesuaian dan bertepatan untuk menangani apa jua impak dari sistem integrasi yang berkaitan dengan produktiviti dalam Perkhidmatan Awam," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Menurut Yang Berhormat lagi, data berkenaan akan membolehkan JPA dan agensi - agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) untuk menilai dengan lebih menyeluruh implikasi terhadap operasi dan kelancaran tugas serta mutu Perkhidmatan Awam dan penyampaian perkhidmatan.

Dalam masa yang sama, ketua-ketua jabatan adalah juga bertanggungjawab untuk terus membuat pemantauan terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan mereka masing-masing agar sentiasa memastikan kelancaran tugas termasuklah keberkesanan operasi pejabat sentiasa terpelihara.

"DATA tersebut akan digunakan bagi JPA mengkaji dan meneroka inisiatif bersesuaian dan bertepatan untuk menangani apa jua impak dari sistem integrasi yang berkaitan dengan produktiviti dalam Perkhidmatan Awam".

Pembangunan kemahiran penting untuk pertumbuhan ekonomi negara

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Sejak tahun 2020, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Graduate Employment Study dan Employer Satisfaction Survey bagi menilai kadar kebolehpasaran graduan enam bulan selepas tamat pengajian, serta tahap kepuasan majikan terhadap prestasi graduan selepas enam bulan bekerja.

Demikian penjelasan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Md. Yusof pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Kajian-kajian ini menjadi instrumen penting untuk memantau keberkesanan program yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi (IPTA) dan memastikan kesesuaian program dengan keperluan pasaran tenaga kerja," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Menurut Yang Berhormat, bagi memperkukuh pendekatan berasaskan data tersebut, kementerian akan melaksanakan Feature Analysis Model (FA Model) secara lebih tersusun di seluruh IPTA.

Model ini menilai program secara menyeluruh merangkumi tiga komponen utama, iaitu Input, Process dan Output.

Komponen Input merangkumi permintaan terhadap program seperti bilangan pemohon pilihan pertama.

Sementara, komponen Process pula melibatkan kadar tamat pengajian dan kos setiap pelajar.

Manakala komponen Output menilai kadar kebolehpasaran graduan dalam tempoh enam bulan, relevansi pekerjaan serta gaji median graduan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa melalui pendekatan tersebut, kementerian dapat mengenal pasti program yang berprestasi tinggi, program yang memerlukan penambahbaikan, serta program yang perlu disusun semula atau ditambah baik agar lebih selaras dengan keperluan pasaran tenaga kerja dan hala tuju pembangunan negara.

"Bermula tahun 2024, beberapa siri perjumpaan, mesyuarat dan bengkel telah diadakan bersama IPTA dan institusi TVET serta agensi-agensi berkepentingan bagi menghasilkan Feature Analysis Model yang insyaaAllah akan mula digunakan pada tahun ini," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, penilaian melalui FA Model sahaja tidak memadai, selain memastikan kualiti dan relevansi program, kita juga perlu melihatnya dalam konteks peralihan struktur ekonomi negara yang sedang berlaku.

Beberapa faktor lain seperti kemahiran masa depan didorong oleh kemajuan teknologi yang pantas, anjakan demografi, 'Green Transition', ketidaktentuan ekonomi, geopolitik dan pandemik. 'Kemahiran Menyeluruh' perlu diwujudkan dengan menggabungkan kepakaran teknikal dengan kepakaran berpaksikan manusia seperti pemikiran kritis, daya tahan dan kreativiti.

"Cabaran ini perlu dilihat dalam kerangka pelaksanaan Economic Blueprint, yang menekankan pembangunan sektor pertumbuhan dan pengukuhan daya saing ekonomi negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Justeru itu, selain memastikan program sentiasa relevan, kementerian turut memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran lain seperti keusahawanan dan keupayaan inovasi agar graduan bukan sahaja menjadi pencari pekerjaan, tetapi juga pemangkin penciptaan nilai dan pertumbuhan baharu dalam ekonomi negara.

"BERMULA tahun 2024, beberapa siri perjumpaan, mesyuarat dan bengkel telah diadakan bersama IPTA dan institusi TVET serta agensi-agensi berkepentingan bagi menghasilkan Feature Analysis Model yang insyaaAllah akan mula digunakan pada tahun ini".

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

TERUS LAKSANAKAN DIPLOMASI DUA HALA UNTUK MENJAMIN KEMAKMURAN, KEDAULATAN NEGARA

>> Muka 1

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

Menurutnya, landskap antarabangsa sejak beberapa tahun kebelakangan ini berubah dengan pantas, manakala keadaan geopolitik dan geoekonomi semakin kompleks serta tidak menentu.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa pembukaan MMN tahun ini bahawa negara perlu sentiasa peka terhadap pergolakan geopolitik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global.

Menyentuh situasi semasa, Yang Berhormat menyatakan kebimbangan terhadap konflik di rantau Timur Tengah melibatkan Amerika Syarikat bersama rejim zionis dan Republik Islam Iran.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri katanya, telah mengeluarkan kenyataan yang mengutuk keras tindakan tersebut serta mengesali bahawa peperangan itu turut melibatkan serangan balas terhadap negara-negara jiran Republik Islam Iran.

Sehubungan itu, usaha diplomatik telah diambil dengan negara-negara yang terkesan.

Yang Berhormat turut mengadakan panggilan telefon kepada menteri-menteri luar termasuk dari Oman, Qatar, Kuwait, Bahrain, Arab Saudi, Jordan dan Emiriah Arab Bersatu bagi menyatakan kebimbangan mendalam serta solidariti NBD.

Pada masa yang sama, NBD bekerjasama dengan Negara-negara ASEAN untuk mengeluarkan kenyataan bersama yang menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan ketegangan tersebut.

NBD juga bertindak sebagai penaja bersama satu resolusi di Majlis Keselamatan Bangsa - Bangsa Bersatu berhubung tindakan Republik Islam Iran terhadap Negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Yang Berhormat menegaskan bahawa peningkatan ketegangan ini bukan sahaja menjejaskan kedaulatan dan integriti wilayah negara-negara terlibat, malah memberi impak serius dan berpanjangan terhadap kestabilan serantau dan global.

Selain itu, persaingan antara kuasa-kuasa besar dan pertikaian perdagangan turut memberi kesan kepada ekonomi serantau dan global, manakala perubahan pendekatan dasar luar negara kuasa besar menjejaskan aturan antarabangsa sedia ada.

Konflik antara Ukraine dan Persekutuan Rusia serta konflik di Palestin juga masih berlarutan dan menunjukkan perkembangan yang semakin tegang.

Dalam perkara ini, NBD terus menegaskan pendirian menentang penggunaan kekerasan dan menyeru supaya undang-undang antarabangsa serta prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu dihormati sepenuhnya.

NBD juga menggesa semua pihak agar menahan diri, menghentikan persengketaan serta mengutamakan dialog dan diplomasi demi memelihara keamanan dan kestabilan serantau.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Pelan Strategik KHEDN berteraskan keselamatan, kesejahteraan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah merangka serta menyusun pelbagai inisiatif mengikut keutamaan yang ditetapkan selaras dengan aspirasi yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2023-2027 yang berteraskan keselamatan dan kesejahteraan, bagi mendukung tema Belanjawan Negara iaitu 'Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035' dengan berpandukan tiga fokus utama belanjawan negara yang telah ditetapkan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman pada Perbahasan Peringkat Dasar bagi Rang Undang-undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, peranan kementerian merangkumi beberapa bidang utama, antaranya, kawalan imigresen dan pendaftaran kebangsaan, pengawalseliaan tenaga kerja serta pemeliharaan persekitaran pekerjaan di sektor swasta, keselamatan, menangani kebakaran dan operasi penyelamatan, pengurusan bencana, pengurusan institusi penjara serta pentadbiran daerah dan perbandaran.

"Pendekatan ini dilaksanakan secara bersepadu dan inklusif dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pemimpin di peringkat akar umbi berteraskan visi kementerian iaitu 'Bersama Mengekalkan Brunei Darussalam Yang Aman, Makmur dan Dinamik'," jelas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai fokus pertama Belanjawan Negara iaitu memperkukuh kestabilan fiskal dan tadbir urus kewangan. KHEDNdan jabatan-jabatan di bawahnya telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan penggunaan sumber kewangan secara lebih berhemah dan efisien.

Antaranya termasuk pelaksanaan pajak sewa bagi kenderaan operasi jabatan sebagai sebahagian daripada inisiatif Fiscal Consolidation Program, ini termasuklah inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di tahun-tahun kewangan yang lalu yang pernah Yang Berhormat kongsikan semasa Mesyuarat MMN pada tahun 2025.

Dalam menyokong fokus kedua Belanjawan Negara iaitu memperkasa ekonomi melalui transformasi dan inovasi, kementerian jelas Yang Berhormat turut memberi penekanan kepada usaha pendigitalan proses kerja serta peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Antaranya inisiatif utama ialah perlaksanaan Projek One MOHA System yang akan merangkumi komponen sistem pengurusan kecemasan yang bersepadu dan efisien yang melibatkan orang ramai dan pendigitalan proses kerja dalaman kementerian serta penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Selain itu tambahnya, sistem Immigration and National Registration System (INRS) di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan turut dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan pengurusan maklumat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Di samping mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, sistem ini merangkumi beberapa modul utama seperti kad pengenalan, pengurusan sempadan, visa dan pas kewarganegaraan, permit masuk, pendaftaran kelahiran kematian dan anak angkat serta penguatkuasaan undang-undang.

Setakat ini, enam modul telah pun digunakan, manakala yang lain masih diperingkat uji cuba dan dijangka siap dalam Tahun Kewangan 2026/2027 ini.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di samping itu, kementerian juga ujar Yang Berhormat lagi, turut melaksanakan penyatuan penyelenggaraan bagi sistem INRS dengan National Labour Management System (NMLS).

"Langkah ini bertujuan meningkatkan kecekapan operasi, meperkukuh tadbir urus sistem serta memastikan infrastruktur ICT sentiasa berada pada tahap optimum dan selamat.

"Inisiatif ini juga membantu memastikan keselamatan rangkaian dan sistem sentiasa terpelihara daripada ancaman siber serta mengurangkan risiko gangguan terhadap sistem kritikal kementerian," tambah Yang Berhormat.

Dengan penyatuan penyelengaraan ini, ia turut menyokong fokus pertama Belanjawan Negara iaitu memperkukuh kestabilan fiskal dan tadbir urus kewangan.

"PENDEKATAN ini dilaksanakan secara bersepadu dan inklusif dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pemimpin di peringkat akar umbi berteraskan visi kementerian iaitu 'Bersama Mengekalkan Brunei Darussalam Yang Aman, Makmur dan Dinamik'," jelas Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

Pengukuhan ekosistem rantaian nilai bersepadu sumbang peningkatan signifikan KDNK

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Program Diversification of Species melalui penubuhan fasiliti penternakan ikan seperti ikan pompano, ikan kerapu, ikan merah dan juga selain daripada ikan selongsong dengan menggunakan teknologi seperti Recirculating Aquaculture Systems (RAS) dan Restocking Program dalam pelepasan benih udang galah di perairan Brunei Darussalam bagi mendukung meningkatkan populasi udang galah liar secara berperingkat bagi jangka masa panjang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada Perbahasan Peringkat Dasar bagi Rang Undang-undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Seterusnya, meningkatkan biosekuriti ladang di ladang-ladang pertanian dan perikanan dengan melaksanakan pensijilan Brunei Good Agriculture Practice (BGAP), Brunei Good Husbandry Practice (BGAHP), dan Brunei Good Aquaculture Practice (BGAqP) untuk memastikan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan dijalankan dengan selamat, bertanggungjawab dan mampan dengan memberi penekanan kepada keselamatan makanan dan kesihatan ternakan dan menggalakkan peralihan kepada penggunaan sumber tenaga solar teknologi *aqua-photovoltaic* yang diintegrasikan dengan aktiviti penternakan di kolam seperti yang dilaksanakan oleh salah sebuah syarikat *aquaculture* di negara ini.

Melalui trajektori pertumbuhan yang positif dan pengukuhan ekosistem rantaian nilai secara bersepadu terang Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sektor ini dijangka akan memberi sumbangan yang signifikan terhadap peningkatan KDNK, mengukuhkan sekuriti makanan serta nilai eksport negara.

Selaras dengan aspirasi negara untuk meningkatkan pengeluaran daripada sektor makanan, pelaksanaan strategi juga menumpukan pertumbuhan industri primer dan hiliran dilaksanakan dengan menarik penglibatan Syarikat - syarikat Pelaburan Langsung Asing serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk memperkukuhkan ekosistem rantaian nilai industri makanan.

Ini, nyata Yang Berhormat, merangkumi penghasilan bahan input, penerokaan sumber bekalan dari pelbagai negara lain, peningkatan kapasiti dan kepakaran dan pelaksanaan pembangunan dan penyelidikan.

Inisiatif berkenaan bukan saja menggalakkan aktiviti ekonomi negara tetapi juga membuka peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan untuk memilih bidang pertanian dan perikanan sebagai pilihan kerjaya.

Pada masa yang sama Yang Berhormat menerangkan, pelaksanaan dan pengukuhan ekosistem rantaian nilai industri makanan, *export drive initiatives* telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi sektor hiliran dan pemprosesan.

Inisiatif berkenaan dilaksanakan untuk memberikan sokongan kepada para pengusaha yang terlibat dalam rantaian nilai, merangkumi fasa pra-pengeluaran hingga akses pasaran.

Dengan inisiatif tersebut, terdapat beberapa program yang dilaksanakan termasuk Program Product Enhancement, Program Penambahbaikan Bahan Input dan Sistem Penyimpanan, Penyediaan Tapak dan Program Peningkatan Kapasiti.

Dalam usaha ke arah memperkukuhkan keluaran beras dan padi negara yang terus berkembang, kementerian ini akan meneruskan inisiatif penyelidikan padi bagi mengenal pasti varieti padi yang unggul, berhasil tinggi dan memenuhi cita rasa pengguna di negara ini, ujar Yang Berhormat.

Dengan ini, sebuah fasiliti pusat penyelidikan padi telah ditubuhkan bagi melaksanakan program penyelidikan komprehensif dalam pembiakan padi hibrid serta teknik penanaman pertanian mampan yang dibiayai di bawah perancangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2027.

Kementerian juga katanya, masih dalam peringkat perundingan bersama negara jiran untuk menerokai peluang-peluang penanaman padi bagi menjamin sekuriti makanan negara ini.

Dari segi prestasi eksport, secara keseluruhan nilai eksport makanan bagi tahun 2025 adalah sekitar BND13 juta.

Nilai eksport sektor pertanian dan agrimakanan telah mencatatkan peningkatan sekitar 52.4 peratus berbanding dengan tahun 2024 dengan komoditi-komoditi tertinggi ialah makanan ternakan dan telur ayam yang masing-masing menyumbangkan sebanyak 55 peratus dan 43 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport.

Pada tahun 2025, secara keseluruhannya nilai eksport bagi produk-produk yang berasaskan pertanian dan agrimakanan adalah sebanyak 4.7 tan metrik dengan nilai mencapai BND7.68 juta.

Sekitar 22 juta biji telur ayam dengan nilai BND3.3 juta telah dieksport ke Republik Singapura.

Selain itu, beberapa produk agrimakanan baharu keluaran syarikat tempatan juga telah berjaya dieksport ke Republik Singapura dan negeri jiran, Sabah.

Bagi nilai eksport sektor perikanan adalah sebanyak 3.4 metrik tan berjumlah, bernilai sebanyak BND5.68 juta dengan tiga komoditi tertinggi iaitu tuna, udang dan ikan selongsong yang masing - masing menyumbang sebanyak 70 peratus, 11 peratus dan 10 peratus.

Yang Berhormat juga memberitahu selain itu, produk perikanan yang berjaya menembusi pasaran eksport baharu ialah Tilapia Marine ke Amerika Syarikat.

Kejayaan penembusan pasaran antarabangsa ini mencerminkan keberkesanan inisiatif strategik kementerian dalam memperkasa pengusaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan di negara ini.

MELALUI trajektori pertumbuhan yang positif dan pengukuhan ekosistem rantaian nilai secara bersepadu terang Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sektor ini dijangka akan memberi sumbangan yang signifikan terhadap peningkatan KDNK, mengukuhkan sekuriti makanan serta nilai eksport negara.

ASPIRASI NEGARA BERSIH, BUMI HIJAU DIPERKUKUH

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi, menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat, mengenai pencapaian terkini dalam aspirasi negara bersih dan bumi hijau serta petunjuk aras (KPI) yang digunakan bagi mengukurnya.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan bahawa aspirasi berkenaan merujuk kepada alam sekitar lestari serta persekitaran yang bersih dan hijau di bawah Hasil Pencapaian Negara Keenam Wawasan Brunei 2035.

Menurutnya, usaha tersebut melibatkan pelbagai inisiatif dan langkah strategik yang dilaksanakan oleh kerajaan bersama pihak industri berkepentingan.

Di bawah peruntukan Tahun Kewangan 2025/2026, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah melaksanakan beberapa inisiatif utama, termasuk pengurusan sisa pepejal (*solid waste management*), pengurusan kualiti udara, pemantauan kualiti air serta usaha mengurangkan pencemaran di seluruh negara, meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Antara pencapaian utama ialah pertama, Projek Pembersihan Sampah secara berterusan di Sungai Brunei yang telah dimulakan pada 16 April 2023 dengan perbelanjaan sebanyak BND100,000 sebulan.

Kedua, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) bagi membanteras aktiviti pembuangan sampah di kawasan *hotspot* di seluruh daerah yang dimulakan pada tahun 2021, dengan perbelanjaan setakat ini berjumlah BND360,000.

Ketiga, penaiktarafan tapak pengumpulan sampah melalui pemasangan LED Solar Signage di beberapa lokasi, termasuk di Kampung Lumapas dan Jalan Binglu, Perumahan Negara Meragang, yang telah siap dilaksanakan pada Disember 2025.

Keempat, pemasangan peralatan pemantauan kualiti udara yang siap dilaksanakan pada 8 Januari 2025 dan ditempatkan di Stesen Kualiti Udara Anggerek Desa (Daerah Brunei Muara), Bukit Beruang (Daerah Tutong), Pekan Bangar (Daerah Temburong) dan Kampung Pandan (Daerah Belait).

Kelima, kemajuan perancangan loji Waste-to-Energy melalui proses Request for Quotation (RFQ) dan Request for Proposal (RFP) yang kini dalam proses tawaran, dengan tempoh tawaran dilanjutkan daripada 3 Februari 2026 sehingga 5 Mei 2026.

Keenam, pelaksanaan program kesedaran alam sekitar secara berterusan termasuk inisiatif Eco Food Waste yang telah dimulakan pada 27 Februari 2025.

Yang Berhormat menegaskan bahawa kesemua inisiatif ini merupakan antara langkah berterusan kerajaan dalam memastikan aspirasi negara bersih dan bumi hijau dapat direalisasikan selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

FOKUS KEPELBAGAIAN EKONOMI PENTING JAYAKAN WAWASAN BRUNEI 2035

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan keyakinan bahawa Belanjawan Tahun Kewangan 2026/2027 serta belanjawan - belanjawan akan datang mampu menyokong usaha kerajaan dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035, sekiranya tumpuan terus diberikan kepada pencapaian matlamat wawasan berkenaan.

Menurutnya, perkara tersebut perlu dilihat dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang perlahan ketika ini, situasi konflik global yang menjejaskan rantaian bekalan (*supply chain*), sekali gus memberi kesan kepada pengangkutan dan pelaburan luar negara.

Selain itu, semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi turut menyentuh cabaran perubahan iklim yang kini semakin dirasai dan berpotensi menjejaskan perancangan negara.

Tegasnya, Wawasan Brunei 2035 tidak akan mudah dicapai sekiranya masyarakat masih berada dalam zon selesa (*comfort zone*) dan terus bergantung kepada hasil minyak dan gas semata-mata seperti yang dinikmati sejak tahun 1970-an, di mana lebih separuh daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) disumbangkan oleh sektor tersebut.

Kini, hasil minyak dan gas semakin berkurangan. Justeru, usaha mempelbagaikan ekonomi perlu dilaksanakan dengan lebih giat dan disegerakan kerana tiada alternatif lain selain daripada memperkukuh kepelbagaian ekonomi.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa beberapa negara di rantau ASEAN berjaya keluar daripada garis kemiskinan melalui kepelbagaian ekonomi, dan yakin Negara Brunei Darussalam yang berada dalam kedudukan lebih baik mampu menyaingi pencapaian tersebut.

Bagi mencapai kestabilan ekonomi, Yang Berhormat menyokong pelaburan dalam pembangunan sumber manusia melalui pendidikan dan latihan, serta peningkatan kecekapan perkhidmatan kerajaan agar dapat melahirkan generasi yang inovatif, kreatif, progresif, berimpak tinggi serta celik ICT dan Kecerdasan Buatan (AI).

Menurutnya, generasi sedemikian mampu meneroka dan mengembangkan industri berpotensi besar seperti industri hiliran minyak dan gas, agromakanan, akuakultur dan perikanan, industri pembinaan, pelancongan serta ekonomi digital.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyatakan sokongan penuh terhadap Belanjawan 2026/2027 yang memberi fokus kepada beberapa perkara utama, iaitu pertama, pelaksanaan kepelbagaian ekonomi secara aktif dan berkesan dalam sektor yang dikenal pasti mampu menyumbang kepada peningkatan KDNK seperti industri hiliran minyak dan gas, pengeluaran makanan, perkhidmatan pelancongan dan ICT.

Kedua, pelaburan dalam pendidikan bagi melahirkan generasi berpendidikan tinggi dan bersedia menghadapi pekerjaan masa hadapan yang memerlukan kepakaran dalam ICT dan AI.

Ketiga, pelaburan dalam meningkatkan tahap kecekapan penjawat awam agar dapat melaksanakan tugas secara cekap, berintegriti, profesional dan inovatif, sekali gus menjadi aset penting kepada kementerian dan jabatan masing-masing.

Keempat, penyediaan kemudahan awam yang berkualiti seperti bekalan tenaga elektrik dan air, jalan raya, perumahan serta sistem pengangkutan awam yang selesa dan selamat.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Kelima, pelaburan dalam sektor kesihatan termasuk penyediaan kemudahan hospital dan klinik serta tenaga kerja yang mencukupi.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak BND646 juta dalam belanjawan tahun ini sebagai usaha memperkukuh sistem penjagaan kesihatan negara.

Isu perubahan iklim wajar diberikan perhatian menyeluruh

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Isu perubahan iklim wajar terus diberikan perhatian yang lebih menyeluruh dalam perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan negara.

Perubahan iklim pada hari ini bukan lagi suatu perkara yang bersifat jangka panjang semata-mata atau hanya dibincangkan dalam konteks antarabangsa, sebaliknya kesannya telah dan sedang dirasai dalam bentuk yang semakin nyata termasuk cuaca yang tidak menentu, hujan lebat yang luar biasa, banjir, suhu yang meningkat, ancaman terhadap sumber air, hakisan pantai serta tekanan ke arah infrastruktur awam dan penempatan yang terdedah.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong semasa menyampaikan perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang (2026) Perbekalan, 2026/2027 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pada hal ini, Yang Berhormat menghargai bahawa kerajaan telah menunjukkan komitmen jelas melalui dasar perubahan iklim Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menggariskan hala tuju negara ke arah pembangunan rendah karbon dan pada masa yang sama memperkukuhkan daya tahan negara terhadap kesan perubahan iklim. Hala tuju ini juga selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai keseimbangan pelepasan karbon bersih sifar menjelang tahun 2050.

Pendekatan sedemikian adalah sangat bertepatan dan berpandangan jauh. Walau bagaimanapun, pada pandangan Yang Berhormat, aspirasi dan komitmen tersebut perlu sentiasa disokong oleh pelaksanaan yang mantap, penyelarasan yang berkesan, peraturan yang relevan serta peruntukan yang benar-benar dapat menyelamatkan kepada tindakan yang nyata di lapangan.

Yang Berhormat juga melihat bahawa usaha-usaha ke arah pembangunan rendah karbon yang diketengahkan dalam pembentangan belanjawan termasuk yang berkaitan dengan tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan pengurangan pelepasan karbon adalah perkembangan yang sangat menggalakkan.

Sebagai contoh ujar Yang Berhormat, pelaksanaan projek loji tenaga, fotovoltaik berkapasiti 30Mw yang dijangka dapat menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon pada kadar yang signifikan setiap tahun merupakan satu langkah yang amat positif.

"Inisiatif seperti ini bukan sahaja membantu negara mengurangkan jejak karbon bahkan juga membuka ruang kepada pembangunan industri hijau, pemindahaan pengetahuan, pengukuhan kapasiti tempatan serta pewujudan peluang-peluang ekonomi baharu.

"Dalam erti kata lain, agenda perubahan iklim tidak harus dilihat dalam ruang lingkup alam sekitar semata-mata tetapi hendaklah difahami sebagai satu agenda yang turut menyentuh pembangunan ekonomi, daya saing negara, penciptaan pekerjaan, penguasaan teknologi dan kesejahteraan generasi akan datang.

"Namun demikian, kaola ingin menegaskan bahawa pendekatan terhadap perubahan iklim tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek mitigasi, iaitu usaha mengurangkan pelepasan karbon sahaja. Dalam masa yang sama, aspek adaptasi juga hendaklah diberikan perhatian yang seimbang, iaitu usaha untuk memastikan rakyat, penempatan, kemudahan awam dan infrastruktur negara lebih bersedia serta lebih terlindung dari kesan fizikal perubahan iklim," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pengalaman dan amalan di peringkat global, menunjukkan bahawa negara-negara yang berdepan dengan risiko iklim yang tinggi telah memberikan tumpuan bukan sahaja kepada tenaga hijau tetapi juga kepada aspek perlindungan fizikal sistem amaran awal, pengurusan risiko bencana, pemulihan ekosistem dan pengukuhan ketahanan komuniti.

Tambah Yang Berhormat lagi, sebagai contoh, terdapat negara-negara yang telah melabur secara besar-besaran dalam benteng perlindungan pantai, sistem tebatan banjir, pengurusan saliran dan pemulihan kawasan bakau sebagai sebahagian daripada langkah adaptasi jangka panjang. Ini menunjukkan bahawa perlindungan terhadap rakyat dan harta benda daripada kesan perubahan iklim memerlukan pendekatan yang menyeluruh, bersepadu dan berpandu penilaian risiko yang teliti.

Dalam hal ini juga, kata Yang Berhormat, banyak kajian antarabangsa menunjukkan bahawa langkah perlindungan awal adalah jauh lebih baik dan lebih berjimat berbanding kos pembaikan dan pemulihan selepas berlakunya kerosakan. Justeru itu, pendekatan pencegahan perlu sentiasa diberikan keutamaan dalam perancangan pembangunan negara.

Berhubung dengan perkara ini, Yang Berhormat ingin menarik perhatian kepada kawasan-kawasan penempatan yang terdedah kepada risiko hakisan pantai dan ancaman ombak khususnya rumah-rumah kediaman yang terletak berhampiran dengan pesisiran pantai.

Antara kawasan yang wajar diberikan perhatian tegas Yang Berhormat lagi, ialah rumah-rumah kediaman di kawasan tepi pantai seperti di Kampung Danau, Daerah Tutong.

Pada pandangan Yang Berhormat, isu yang melibatkan kawasan-kawasan sedemikian hendaklah dilihat dan kerangka adaptasi perubahan iklim dan bukan semata-mata dianggap sebagai isu infrastruktur biasa. Ini adalah kerana, kesan yang timbul bukan sahaja melibatkan kerosakan fizikal kepada rumah dan persekitaran bahkan juga menyentuh soal keselamatan penduduk, keselesaan keluarga, kestabilan ekonomi serta perlindungan terhadap harta benda dan mata pencarian masyarakat.

Sehubungan itu, Yang Berhormat berpandangan bahawa kerajaan wajar terus meneliti dan jika bersesuaian memperkukuhkan lagi usaha-usaha pembinaan benteng-benteng penghadang ombak serta langkah-langkah perlindungan pesisir yang lain di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi. Langkah sedemikian adalah penting melindungi penempatan penduduk, mengurang hakisan pantai, menjamin keselamatan awam, menggalakkan kerugian serta kos kerosakan yang lebih besar pada masa hadapan.

>> Muka 14

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

FOKUS UTAMA BELANJAWAN KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat semasa menyampaikan perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang (2026) Perbekalan, 2026/2027 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, menyatakan bahawa fokus utama belanjawan ini sewajarnya adalah pembangunan modal insan kerana dalam apa juga keadaan ekonomi, aset paling penting yang dimiliki negara adalah rakyatnya sendiri.

Slaid pembentangan dengan jelas mempertengahkan beberapa cabaran termasuk ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri dan kepesatan perubahan teknologi termasuk Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI).

Menjelaskan perkara itu di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat berpendapat, perkara ini perlu ditangani dengan lebih tegas dan lebih pantas. Kita tidak boleh terus bergantung kepada pendekatan lama dalam menyediakan tenaga kerja bagi tenaga baharu, kita memerlukan Sistem Pendidikan Latihan dan Pembangunan Kemahiran yang benar-benar dinamik, responsif dan berpaksikan keperluan sebenar industri.

"Kita memerlukan graduan dan pencari kerja yang bukan sahaja memiliki kelayakan akademik, tetapi juga kemahiran teknikal, kemahiran digital dan daya tahan, disiplin, kebolehsuaian dan nilai profesionalisme yang tinggi.

"Kaola mengambil maklum bahawa dari segi pencapaian, negara mempunyai asas yang membanggakan. Antaranya Universiti Brunei Darussalam (UBD) berada di tangga ke-347 dunia pada tahun 2025 sekali gus meletakkan dalam 25 peratus institusi terbaik dunia negara.

"Negara juga berada di kedudukan 43 daripada 175 negara dalam Global Talent Competitiveness Index 2025, iaitu dalam kalangan sekitar 32 peratus negara teratas dunia," kata Yang Berhormat.

Pencapaian ini, kata Yang Berhormat, wajar dihargai, namun persoalan lebih besar adalah sejauh manakah pencapaian ini diterjemahkan kepada kebolehpasaran graduan meningkatkan produktiviti dan pengurangan pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan?

"Pada pandangan kaola, ini masalah untuk kita memperkukuhkan hubungan yang lebih nyata atau antara pendidikan latihan dan pasaran kerja. Apa yang diajar mesti relevan dengan apa yang diperlukan, apa yang dilantik, dilatih, mesti selari dengan apa yang sedang berkembang dan apa yang dirancang dalam belanjawan mestilah mampu melahirkan tenaga manusia yang benar-benar dapat mengisi ruang dalam sektor-sektor strategi negara," ujar Yang Berhormat.

Dalam pandangan Yang Berhormat juga, negara memberi tumpuan kepada lima sektor keutamaan, iaitu aliran minyak dan gas, makanan, perkhidmatan, pelancongan dan ICT. Ini adalah petunjuk yang sangat jelas mengenai arah ekonomi negara. Ertinya pembangunan modal insan tidak boleh lagi bersifat umum dan terlalu luas tanpa fokus.

Sebaliknya tambah Yang Berhormat, pembangunan modal insan mestilah benar-benar berkisarkan untuk memenuhi keperluan sektor-sektor keutamaan ini. Jika negara mahu memperluaskan sektor ICT, maka latihan digital, kemahiran data, automasi, keselamatan siber dan AI mestilah dipergiatkan.

Jika negara mahu memperkukuh sektor makanan dan agrimakanan, Yang Berhormat menyarankan latihan dalam pengeluaran moden, standard keselamatan makanan, teknologi pertanian, logistik dan penjenamaan produk serta juga mesti diperkasakan.

Jika negara mahu memajukan sektor perkhidmatan dan pelancongan, maka kemahiran bahasa, hospitaliti, pemasaran dan *customer experience* perlu dipergiatkan, tambah Yang Berhormat.

Tanpa penjelasan seperti ini kata Yang Berhormat lagi, kita akan terus berdepan dengan keadaan di mana peluang pekerjaan diwujudkan, tetapi tenaga kerja yang sesuai masih sukar diperoleh. Dalam masa yang sama, juga ditekankan satu lagi usul yang sangat penting dalam perbahasan belanjawan ini, iaitu peranan pengusahaan tempatan khususnya mereka yang menghasilkan produk-produk tempatan yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi.

Pada hemat Yang Berhormat, pengusaha tempatan tidak boleh lagi dilihat hanya sebagai pemain kecil yang beroperasi di pinggiran ekonomi, sebaliknya, mereka perlu dilihat sebagai sebahagian daripada strategik negara dalam memperluaskan nilai tambah domestik, mencipta pekerjaan, meningkatkan eksport dan membina daya tahan ekonomi.

Dalam pembentangan tersebut, Yang Berhormat menjelaskan beberapa inisiatif penting telah di ketengahkan bagi memperkukuh perusahaan tempatan termasuk MSME Roundtable pada Disember 2025, Enterprise Growth Connect 2025, Brunei Startup Summit, Employment Series Workshops dan Youth Opportunities Unlocked 2025. Semua ini adalah langkah yang baik dan menunjukkan komitmen untuk memperkukuh ekosistem keusahawanan tempatan.

Namun demikian, Yang Berhormat berpandangan bahawa kejayaan sebenar pengusaha tempatan tidak hanya diukur dari segi jumlah penciptaan dalam program atau bengkel, tapi juga sejauh mana mereka mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti, berdaya saing melalui piawaian dan mampu menembusi pasaran yang lebih luas.

"Inilah sifat apa yang kaola melihat satu isu kualiti pengeluaran sebagai perkara yang sangat mustahak. Jika kita benar-benar mahu melihat produk tempatan mempunyai nilai pasaran yang tinggi di peringkat domestik dan global, maka pengusaha tempatan perlu dibantu.

"Bukan sahaja dari segi pemasaran, tapi juga dari segi teknologi pengeluaran, pematuhan standard, pensijilan, analisa mutu, pembungkusan, penjenamaan dan akses kepada rangkaian pasaran eksport.

"Dalam hal ini, kaola tertarik dengan penubuhan Brunei Integrated Analytical Laboratory atau BIAL, iaitu makmal ujian makanan pertama yang dikenalkan oleh pihak swasta. Ini sangat penting, kerana ia dapat mempercepat proses ujian berkaitan keselamatan makanan, sisa kimia, DNA dan keperluan pengurusan halal. Sekali gus membantu pengusaha tempatan memenuhi keperluan piawaian pasaran serantau dan antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Pada hemat Yang Berhormat, inilah jenis infrastuktur, sokongan benar-benar memberi impak. Ia bukan hanya membantu perusahaan bertahan, tetapi membantu perusahaan naik kelas. Produk tempatan yang baik mestilah dapat dibuktikan baiknya melalui standard dan produk tempatan yang mahu bersaing di luar negara, mestilah dapat membuktikan kualitinya secara konsisten.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga melihat perkembangan seperti Brunei Week di Republik Singapura pada September 2025 dan penciptaan 12 syarikat tempatan dalam China-ASEAN Expo sebagai langkah yang sangat positif. Usaha seperti ini, penting membuka pasaran mengangkat jenama Negara Brunei Darussalam (NBD) dan menunjukkan bahawa produk tempatan kita mempunyai potensi untuk berada di peringkat serantau.

"Tapi, untuk benar-benar berjaya, produk tempatan mesti mempunyai nilai tambah keunikan, konsisten dan kapasiti pengeluaran yang mampu memenuhi permintaan pasaran.

"Koala juga menyentuh bahawa peranan pengusaha tempatan perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar, iaitu sebagai rakan penting dalam menyelaraskan isu pengangguran. Apabila perusahaan tempatan berkembang, apabila produk tempatan meningkat nilainya, apabila rantai pengeluaran domestik menjadi diperkukuh, maka lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk rakyat tempatan.

"Dalam hubungan ini, kehadiran 25 syarikat FDI yang telah mula beroperasi setakat Disember 2025 dan mewujudkan sekitar 4,000 peluang pekerjaan dengan 48 peratus diisi oleh anak tempatan adalah perkembangan yang baik.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

"Tambahan pula, 18 lagi syarikat FDI masih dalam fasa perusahaan dijangkakan menjadikan sekitar 3,000 peluang pekerjaan lagi," ujar Yang Berhormat lagi.

Namun, Yang Berhormat ingin membawa manfaat pelaburan asing ini mestilah benar-benar mengambil ke dalam ekonomi domestik, maksudnya perusahaan tempatan perlu diberi peluang untuk menjadi sebahagian daripada rantai bekalan perkhidmatan pelancongan, logistik, penyelenggaran, pengeluaran bersama dan pemberian teknologi.

Dalam erti kata lain kata Yang Berhormat, kita bukan hanya perlu mahu pelaburan datang, tetapi kita mahu pelaburan itu memberi keupayaan tempatan. Di sinilah pentingnya pendekatan seperti Enterprise Growth Connect 2025 yang berupa menghubungkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan peluang perniagaan strategik dan meningkatkan *in country value.*

Yang Berhormat berpandangan bahawa pendekatan seperti ini perlu terus diperluas, kerana ia menyumbang kepada dua bertambah besar serentak, iaitu memperkasa perusahaan tempatan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih meluas.

Semasa perbahasan, Yang Berhormat juga menyatakan bahawa langkah - langkah penguatkuasa Perintah Pekerjaan, upah minimum kepada tujuh institusi bermula 1 April 2025 adalah satu langkah yang wajar dalam melindungi kesejahteraan pekerja. Namun, untuk memastikan faktor gaji yang lebih mampan pada masa hadapan negara perlu menumpukan perhatian kepada peningkatan kemahiran produktiviti dan nilai-nilai kerja.

"Gaji baik tidak akan kekal dan produk yang tinggi tidak akan tercapai tanpa modal insan yang benar-benar berkualiti," tegas Yang Berhormat lagi

>> Muka 13

"Pada masa yang sama kaola juga berpandangan bahawa langkah-langkah perlindungan ini bolehlah dipertimbangkan secara lebih menyeluruh termasuk melalui pendekatan menggabungkan struktur kejuruteraan pemulihan ekosistem persisiran, penanaman rekreasi pantai serta memantau berkala terhadap perubahan garis pantai tahap risiko setempat.

"Kaola turut mengambil maklum bahawa dalam pembentangan belanjawan telah dinyatakan peruntukan sebanyak BND148.21 juta bagi meningkatkan keupayaan negara dalam menghadapi sebarang kecemasan dan menangani kejadian yang tidak disangka.

"Pada pandangan kaola, peruntukan ini adalah sangat signifikan terutama dalam keadaan dunia yang semakin terdedah kepada risiko bencana alam dan gangguan berkaitan iklim," kata Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya semangat di sebalik peruntukan ini tidak hanya tertumpu kepada aspek tindak balas selepas berlakunya insiden tetapi turut diperluaskan kepada aspek kesiapsiagaan, pencegahan, perlindungan awal dan pengukuhan ketahanan komuniti termasuk di kawasan-kawasan persisiran yang lebih terdedah.

Yang Berhormat juga menekankan dalam erti kata lain supaya negara menghadapi kecemasan bukan hanya diukur melalui jumlah aset atau kecekapan tindak balas tetapi juga melalui sejauh mana negara berjaya mengurangkan risiko sebelum kejadian berlaku, melindungi komuniti yang terdedah dan memastikan pembangunan fizikal negara benar-benar mengambil kira realiti perubahan iklim.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :
www.pelitabrunei.gov.bn
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

MAJLIS TADARUS JPM LABUH TIRAI

>> Muka 1

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Tadarus Al-Quran yang dimulakan oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas dan bacaan Takhtim beramai-ramai.

Doa Khatam dibacakan oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin dan kemudian disusuli dengan berbuka puasa serta menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis-majlis keagamaan di bulan Ramadan seumpama ini adalah salah satu daripada aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini, serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis berkenaan diungkayahkan oleh Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu khas pada penutup Majlis Tadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan kiri).

BKISHHB adakan Majlis Khatam Al-Quran

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi. Hadir sama ialah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Bulan Ramadan semakin dekat ke penghujungnya dan majlis-majlis khatam Al-Quran terus giat diadakan dalam meraih ganjaran pahala dan keberkatan bulan suci lebih-lebih lagi pada 10 malam terakhir ini.

Dalam merebut ganjaran pahala dan keberkatan pada bulan yang mulia ini, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri (JPM) lewat petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi, bertempat di Dewan Auditorium BKISHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

Hadir sama ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas beramai-ramai.

Sementara itu, Doa Khatam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Perpindahan Mata - Mata Gadong, Awang Muhammad Hafiz Nur Adib bin Abd. Manaf.

Majlis turut diimarahkan lagi dengan laungan Selawat Tafrijiyyah beramai - ramai sebanyak tiga kali sebelum ditutup dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Muhammad Hafiz Nur Adib.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut menyempurnakan penyampaian derma kepada dua warga BKISHHB.

Para jemputan kemudiannya dijemput untuk berbuka puasa dan seterusnya beredar ke Surau BKISHHB untuk menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Tahun ini adalah kali empat BKISHHB mengadakan Majlis Iftar bersama Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB di samping Majlis Khatam Al-Quran tahunan pada bulan Ramadan, bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mubarak di samping mendapatkan ganjaran pahala serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Keprihatinan masyarakat gembirakan 100 anak yatim Mukim Sengkurong

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

YANG Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima.

SENGKURONG, Isnin, 16 Mac. - Seramai 100 anak yatim dari Mukim Sengkurong telah menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak-anak Yatim Mukim Sengkurong bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan petang tadi bertempat di Dewan Razytaa, Bangunan Haji Othman, di sini.

Berangkat ke majlis berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada penerima.

Majlis berkenaan dianjurkan oleh keluarga Al-Marhum Pengiran Haji Othman bin Pengiran Abd. Rahman dan Allahyarhamah Dayang Hajah Ma'asum binti Haji Mohd. Hussain dengan kerjasama Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail; dan Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B'.

Majlis berkebajikan berkenaan merupakan salah satu usaha untuk membantu serta menggembirakan anak-anak yatim di mukim berkenaan, khususnya dalam membuat persiapan pada bulan Ramadan dan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Ketua Kampung Mulaut selaku Pemangku Penghulu Mukim Sengkurong, Pemangku-pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'A' dan Sengkurong 'B' serta Ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' dan para jemputan lain.

Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan keprihatinan masyarakat dalam sama-sama membantu golongan yang memerlukan di samping mengeratkan silaturahim antara penduduk kampung, penderma dan pihak penganjur.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMARAKKAN BULAN RAMADAN PENUH KEBERKATAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

>> Muka 1

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang diketuai oleh wakil Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). Majlis diikuti dengan penyampaian sumbangan wakaf yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Anuar bin Haji Salim, selaku Imam Masjid Kampung Beribi dan penyampaian sijil penghargaan kepada qari dan qariah serta para wakil ITQSHHB.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan berbuka puasa.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang), Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua Jabatan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta para ahli Masjid Kampung Beribi.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti keagamaan Kementerian Pembangunan bagi meraih pahala dan menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Majlis pada tahun ini dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya.

YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Kampung Beribi (atas kiri dan kiri).

JAPEM terima sumbangan derma untuk anak yatim

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima sumbangan derma bagi Tabung Anak-anak Yatim, Jabatan Pembangunan Masyarakat daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Anak-anak Yatim, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan - timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu pagi tadi di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sumbangan berjumlah BND5,370 disampaikan oleh Pengiran Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi selaku Pengerusi II, Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan - Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.

Sumbangan tersebut merupakan hasil kutipan daripada ahli-ahli kumpulan sebagai sebahagian daripada usaha kebajikan mereka.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis penyerahan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku pengerusi majlis.

Hadir sama ialah Pegawai-pegawai Kanan JAPEM serta ahli-ahli daripada kumpulan berkenaan.

Khatam Al-Quran imarahkan bulan Ramadan

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, yang diselajurkan dengan Majlis Pengagihan Sumbangan dan Penyampaian Derma kepada anak-anak yatim dan orang daif (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

GADONG, Selasa, 17 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, yang diselajurkan dengan Majlis Pengagihan Sumbangan dan Penyampaian Derma kepada anak-anak yatim dan orang daif, bertempat di Centrepoint Hotel, Gadong, di sini.

Majlis pada tahun ini dikelolakan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap MTIC, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, pengarah - pengarah bahagian pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas.

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Tahlil serta Doa Khatam yang dipimpin oleh wakil MPABD, Awang Mohammad Rohaidi bin Johadi.

Seterusnya, majlis diserikan dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh kumpulan dikir MPABD, diikuti dengan bacaan Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan pengagihan sumbangan dan penyampaian derma kepada seramai 11 anak yatim dan 10 keluarga dari golongan daif yang terdiri daripada kalangan ahli keluarga warga MPABD serta penduduk kawasan Rancangan Perumahan Negara Serasa, Muara.

Majlis turut diselajurkan dengan penyampaian wakaf berupa barangan keperluan Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi kepada wakil Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohammad Aduka bin Haji Abdul.

Seterusnya majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan acara berbuka puasa bersama para penerima sumbangan serta tetamu jemputan.

Penganjuran majlis ini merupakan antara acara keagamaan tahunan MTIC yang bertujuan untuk menyemarakkan bulan Ramadan di samping meraih keberkatan melalui bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta memupuk nilai keprihatinan dan kebajikan dalam kalangan warga MTIC.

JPM MEMPERINGATI PERISTIWA AGUNG NUZUL AL-QURAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Bankuet, JPM (kiri dan kanan). Sementara gambar bawah kiri, sekitar majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Bankuet, JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Turut hadir, Timbalan Menteri, Setiausaha - setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan - jabatan dibawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohd. Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis seterusnya diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah An-Nisa, ayat 36 hingga ayat 42 oleh Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohamad Hashim, manakala inti sari pula dibacakan oleh Awang Ahmad Darwish bin Hamdan; para siswa daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya', yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dari Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Seterusnya, majlis diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 43 orang warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Pejabat Wawasan Brunei dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Penyelidikan Brunei, merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan JPM bagi memperingati peristiwa agung Nuzul Al-Quran, iaitu turunnya ayat-ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

CERAMAH Khas bertajuk 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya', disampaikan oleh Penolong Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Menyemarakkan, menghayati bulan suci Ramadan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kehakiman Negara

YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran Mahkamah-mahkamah Syariah bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syarie, Pendaftar - pendaftar dan pegawai-pegawai serta seluruh warga Mahkamah Syariah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim secara bergilir-gilir dan seterusnya bacaan beramai-ramai yang dipimpin oleh mahasiswa Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Kemudiannya diikuti dengan bacaan Takhtim dipimpin oleh Awang Muhammad Zulhelmi Hashim bin Jainudin, manakala bacaan Doa Selamat dan Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh Awang Razin Hakim bin Abdul Razak, kedua-duanya mahasiswa dari ITQSHHB.

Antara pengisian majlis ialah penyampaian sumbangan kepada kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah yang terpilih seramai 52 orang. Penyampaian sumbangan berkenaan disempurnakan oleh Ketua Hakim Syar'ie.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Zohor Berjemaah yang diimamkan oleh Awangku Muhammad Zikrul Hakim@Awangku Mustaffa Akwan bin Pengiran Haji Kamaluddin, mahasiswa dari ITQSHHB.

Penganjuran majlis berkenaan adalah sebahagian daripada usaha menghargai dan menggalakkan semangat kebajikan dalam kalangan warga mahkamah bagi sama-sama menyemarakkan dan menghayati bulan suci Ramadan dengan memperbanyakkan amalan baik untuk mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hukum Kembali Untuk Melafazkan Takbirat Zawa'id Yang Tertinggal

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEMBAHYANG sunat Hari Raya ini hanya dilakukan dua kali sahaja dalam setahun. Oleh itu, tidak hairanlah jika sebahagian orang terlupa untuk melafazkan t*akbirat zawa'id* ini semasa mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya. Selain itu, ada juga sebahagian orang yang tertinggal *takbirat zawa'id*, akan tetapi teringat mengenainya ketika sedang membaca surah al-Fatihah atau ketika selesai membaca surah al-Fatihah, bahkan ada juga yang teringat mengenainya ketika sedang melakukan ruku' ataupun setelah ruku'. Dalam keadaan ini, ada yang kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut. Persoalannya, apakah kedudukan sembahyang sunat Hari Raya yang tertinggal *takbirat zawa'id* itu?



DUA sembahyang sunat Hari Raya, iaitu sembahyang sunat Hari Raya Fitrah dan sembahyang sunat Hari Raya Adha disyariatkan untuk dikerjakan sama ada secara berjemaah ataupun bersendirian. Kedua-dua sembahyang sunat Hari Raya ini dikerjakan sebanyak dua rakaat, dan hukum pelaksanaannya sama seperti sembahyang-sembahyang yang lain dari segi rukun, syarat dan juga perkara-perkara sunat. Walau bagaimanapun, khusus bagi kedua-dua sembahyang sunat Hari Raya itu sunat dilafazkan *takbirat zawa'id*.

Takbirat zawa'id ialah ucapan اللهُ أَكْبَرُ yang dilafazkan sebanyak tujuh kali selepas *takbiratulihram* pada rakaat pertama dan sebanyak lima kali selepas *takbiratulqiyam* (takbir ketika bangun dari sujud rakaat pertama). Pelaksanaan *takbirat zawa'id* ini adalah dengan melafazkan ucapan tersebut, meskipun tanpa mengangkat kedua-dua tangan. Walau bagaimanapun, mengangkat dua tangan ketika melafazkan *takbirat zawa'id* itu hukumnya adalah sunat dan caranya sama seperti mengangkat tangan ketika *takbiratulihram*. Oleh itu, perbuatan mengangkat kedua-dua tangan semata-mata tanpa disertai lafaz اللهُ أَكْبَرُ tidak dikira sebagai pelaksanaan *takbirat zawa'id* kerana hakikat *takbirat* zawa'id tersebut terletak pada lafaznya, bukan pada perbuatan mengangkat tangan.

Pensyariatan *takbirat zawa'id* ini adalah berdasarkan hadits daripada 'Amr bin Syu'aib *Rahimahullah* daripada bapanya daripada datuk bapanya :

Maksudnya : *Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam melafazkan takbir dalam (sembahyang sunat) Hari Raya sebanyak dua belas takbir, tujuh (takbir) pada (rakaat) yang pertama, dan lima (takbir) pada (rakaat) yang terakhir (kedua).*

(Hadits riwayat Ahmad dalam Musnadnya)

Secara ringkasnya, kaifiat mengerjakan dua sembahyang sunat Hari Raya tersebut ialah dengan mengangkat *takbiratulihram*, kemudian sunat membaca doa *iftitah*, kemudian mengangkat dua tangan sambil melafazkan tujuh *takbirat zawa'id*, kemudian membaca *ta'awwudz*, surah al-Fatihah dan surah tertentu, kemudian melakukan seperti sembahyang sunat biasa bermula daripada melakukan ruku‘ sehingga berdiri semula dari rakaat pertama dengan *takbiratulqiyam*, kemudian mengangkat dua tangan sambil melafazkan lima *takbirat zawa'id*, kemudian membaca *ta'awwudz*, surah al-Fatihah dan surah tertentu, kemudian melakukan lagi seperti sembahyang sunat biasa bermula daripada melakukan ruku‘ sehingga ditutup dengan memberi salam.

Sembahyang sunat Hari Raya ini hanya dilakukan dua kali sahaja dalam setahun. Oleh itu, tidak hairanlah jika sebahagian orang terlupa untuk melafazkan t*akbirat zawa'id* ini semasa mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya. Selain itu, ada juga sebahagian orang yang tertinggal *takbirat zawa'id*, akan tetapi teringat mengenainya ketika sedang membaca surah al-Fatihah atau ketika selesai membaca surah al-Fatihah, bahkan ada juga yang teringat mengenainya ketika sedang melakukan ruku' ataupun setelah ruku'. Dalam keadaan ini, ada yang kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut. Persoalannya, apakah kedudukan sembahyang sunat Hari Raya yang tertinggal *takbirat zawa'id* itu? Apa yang patut dilakukan oleh seseorang apabila dia teringat bahawa dia tertinggal *takbirat zawa'id* sedangkan ketika itu dia sedang membaca surah al-Fatihah atau dia sudah selesai membaca surah al-Fatihah atau ketika itu dia sedang melakukan ruku' ataupun perbuatan setelah ruku'? Adakah dia dituntut kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* yang tertinggal itu ataupun tidak?

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' menjelaskan bahawa sembahyang sunat Hari Raya yang tertinggal *takbirat zawa'id*, sama ada ditinggalkan dengan sengaja atau tanpa sengaja, sembahyangnya tetap sah dan tidak dituntut untuk melakukan sujud sahwi. Walau bagaimanapun, meninggalkan kesemua *takbirat zawa'id* atau mengurangkan atau menambah bilangannya hukumnya adalah makruh sebagaimana kata beliau :

Ertinya : *Dan jika (seseorang) meninggalkan (lafaz takbirat) zawa'id dengan sengaja atau tanpa sengaja, tidaklah (seseorang itu) melakukan sujud sahwi dan sembahyangnya (adalah) sah, akan tetapi dihukumkan makruh meninggalkannya (kesemua takbirat zawa'id) atau meninggalkan satu (lafaz takbir) daripadanya atau menambahnya (lafaz takbir).*

Adapun sebab tidak dituntut melakukan sujud *sahwi* jika tidak melafazkan *takbirat zawa'id* kerana *takbirat zawa'id* itu seperti sunat-sunat *hai'at* lain yang jika ditinggalkan sama ada dengan sengaja ataupun tidak, tidak dituntut ke atas orang yang meninggalkannya itu untuk melakukan sujud *sahwi*. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj :

Ertinya : *Dan bukanlah ia, iaitu tujuh (takbirat zawa'id pada rakaat pertama) dan lima (takbirat zawa'id pada rakaat kedua) ini suatu fardhu (dalam sembahyang), maka tidak batal sembahyang dengan meninggalkannya, dan bukan (juga ia sunat) ab'adh, maka tidak dilakukan sujud (sahwi) kerana meninggalkannya (sama ada dengan sengaja ataupun tidak) (kerana ia) seperti (sunat-sunat) hai'at yang lainnya dalam sembahyang.*

Dalam keadaan sembahyang sunat Hari Raya yang tidak dilafazkan *takbirat zawa'id*, sama ada kerana ia ditinggalkan dengan sengaja atau tertinggal tanpa disengajakan, keharusan kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut adalah tertakluk kepada keadaan tertentu. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti yang berikut :

1. Kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* sebelum melakukan ruku'.

Jika seseorang terlupa *takbirat zawa'id* atau sengaja meninggalkannya, dan dia sudah mula membaca *ta'awwudz* tetapi belum mula membaca surah al-Fatihah, maka *takbirat zawa'id* itu belum luput dan dia boleh kembali melafazkannya kerana melafazkannya ketika itu masih dikira dalam waktunya, iaitu sebelum membaca surah al-Fatihah.

Jika seseorang itu sengaja meninggalkan *takbirat zawa'id* atau terlupa melafazkannya, lalu dia teringat mengenainya semasa sedang membaca surah al-Fatihah, maka terluput *takbirat zawa'id* itu sekalipun dia baru membaca sebahagian *basmalah* sahaja. Menurut pendapat yang shahih, janganlah dia kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut kerana waktu untuk melafazkannya sudah luput. Walau bagaimanapun, jika dia kembali juga untuk melafazkannya sedangkan ketika itu dia sedang membaca surah al-Fatihah, maka sembahyangnya tidak batal. Namun demikian, selepas melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut, dia hendaklah membaca semula surah al-Fatihah dari awal, kerana jika terus disambung membaca ayat yang belum dibaca daripada surah al-Fatihah selepas melafazkan *takbirat zawa'id,* maka bacaan surah al-Fatihah itu menjadi terbatal kerana ia tidak dibaca secara *muwalah* (berturut-turut) sedangkan salah satu syarat membaca surah al-Fatihah itu ialah ayat-ayatnya wajib dibaca secara berturut-turut.

Demikian juga jika seseorang itu teringat bahawa dia tertinggal *takbirat zawa'id* setelah selesai membaca surah al-Fatihah tetapi belum melakukan ruku', maka janganlah dia kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut. Jika dia kembali juga untuk melafazkannya sedangkan dia sudah selesai membaca surah al-Fatihah tetapi belum melakukan ruku', maka sembahyangnya tidak batal dan dalam keadaan ini, sunat dia mengulang semula membaca surah al-Fatihah sesudah melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut, sekalipun hal itu menyebabkan pengulangan rukun *qauli* (perkataan).

2. Kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* ketika sedang melakukan ruku' atau selepasnya.

Jika seseorang itu terlupa melafazkan *takbirat zawa'id*, lalu dia teringat mengenainya ketika dia sedang ruku‘ atau selepas ruku', maka dia hendaklah meneruskan sahaja sembahyangnya dan haram dia kembali berdiri untuk melafazkan *takbirat zawa'id*. Sekiranya dia tetap kembali berdiri untuk melafazkannya, sedangkan dia mengetahui akan keharamannya, dan dia kembali berdiri itu dengan sengaja, maka batal sembahyangnya. Berlainan halnya jika dia kembali berdiri kerana tidak mengetahui akan keharamannya, maka tidak batal sembahyangnya.

3. Bersembahyang di belakang imam yang *takbirat zawa'id*nya kurang daripada jumlah yang disunatkan.

Jika imam melafazkan *takbirat zawa'id* kurang daripada jumlah yang disunatkan, lalu imam tersebut terus membaca surah al-Fatihah, sebagai contoh pada rakaat pertama imam hanya melafazkan tiga *takbirat zawa'id* sahaja atau enam *takbirat zawa'id* sahaja, lalu imam tersebut terus membaca surah al-Fatihah, maka makmum hendaklah mengikut sahaja imam tersebut dan tidak menambah takbir lebih daripada jumlah takbir yang dilafazkan oleh imam. Perkara ini sebagaimana dijelaskan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin :

Ertinya : *Dan jika (seseorang) sembahyang di belakang imam yang melafazkan takbir sebanyak tiga kali atau enam kali, (maka seseorang itu hendaklah) mengikutinya, dan tidak menambah (takbir) lebih daripada itu (jumlah takbir yang dilafazkan oleh imam) menurut (pendapat) al-azhhar.*

Begitu juga halnya jika imam tidak melafazkan kesemua *takbirat zawa'id* sama ada dengan sengaja atau tanpa sengaja atau kerana jahil akan waktu melafazkannya, dan imam tersebut sudah mula membaca surah al-Fatihah, maka makmum juga hendaklah tidak melafazkannya kerana ia boleh menyebabkan makmum tidak mendengar bacaan surah al-Fatihah imam tersebut.

Dalam keadaan-keadaan seperti yang tersebut di atas ini, sekiranya makmum melafazkan juga *takbirat zawa'id*, maka menurut Imam Ibn Qasim al-‘Abbadi *Rahimahullah*, sembahyang makmum tersebut tidak batal.

Walau bagaimanapun, jika makmum melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut berserta dengan mengangkat kedua-dua tangan, maka hukum sembahyang makmum tersebut sama ada ia batal atau tidak tertakluk lagi kepada pergerakan mengangkat tangan tersebut. Sekiranya pergerakan itu melibatkan pergerakan melebihi tiga kali sebagaimana perkiraan syara‘ dan ia dilakukan secara berturut-turut, maka sembahyang makmum menjadi batal. Sebaliknya, jika pergerakan mengangkat tangan itu tidak melebihi tiga kali, atau melebihi tiga kali tetapi tidak dilakukan secara berturut-turut, maka sembahyang makmum tersebut tidak batal.

Demikian penjelasan mengenai hukum kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* yang tertinggal.

JIKA seseorang itu sengaja meninggalkan *takbirat zawa'id* atau terlupa melafazkannya, lalu dia teringat mengenainya semasa sedang membaca surah al-Fatihah, maka terluput takbirat zawa'id itu sekalipun dia baru membaca sebahagian basmalah sahaja. Menurut pendapat yang shahih, janganlah dia kembali untuk melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut kerana waktu untuk melafazkannya sudah luput. Walau bagaimanapun, jika dia kembali juga untuk melafazkannya sedangkan ketika itu dia sedang membaca surah al-Fatihah, maka sembahyangnya tidak batal. Namun demikian, selepas melafazkan *takbirat zawa'id* tersebut, dia hendaklah membaca semula surah al-Fatihah dari awal, kerana jika terus disambung membaca ayat yang belum dibaca daripada surah al-Fatihah selepas melafazkan *takbirat zawa'id*, maka bacaan surah al-Fatihah itu menjadi terbatal kerana ia tidak dibaca secara muwalah (berturut-turut) sedangkan salah satu syarat membaca surah al-Fatihah itu ialah ayat-ayatnya wajib dibaca secara berturut-turut.

DANA TERIMA SUMBANGAN BND100,500 DARIPADA 108 PENYUMBANG

SUMBANGAN berkenaan diterima oleh Yang Berhormat Peguam Negara, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, bagi pihak DANA.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) hari ini menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND100,500 daripada 108 penyumbang yang terdiri daripada syarikat perniagaan dan individu daripada Persatuan The Brunei-China One Belt One Road (OBOR).

Majlis diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Kesemua sumbangan berkenaan diterima oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, bagi pihak DANA.

Turut hadir, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

YSHHB ialah sekretariat bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

HALUAN

Infrastruktur dan kerjasama komersial pacu pertumbuhan logistik negara

>> Muka 2

Saya juga dengan sukacitanya berkongsi bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun lalu juga memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Penerbangan Awam (Aviation Co.) untuk menyelia kemajuan sektor penerbangan awam termasuk kecekapan dan daya saing LTAB. Dipengerusikan bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan saya sendiri, menunjukkan lagi keazaman Kerajaan Kebawah DYMM terhadap pembangunan sektor ini - memandangkan operasi lapangan terbang juga penting untuk industri pengangkutan dan logistik yang berkesan.

Walaupun infrastruktur dan teknologi merupakan perkakasan sektor logistik, komuniti perniagaan adalah perisiannya, tanpa 'sistem operasi' perkongsian sektor swasta dan aliran perdagangan yang dipimpin oleh industri, pelaburan yang dibuat masih kurang dimanfaatkan. Kejayaan terletak pada titik pertemuan antara kapasiti fizikal dan kerjasama komersial.

Inilah sebabnya mengapa platform seperti BIACC Trade and Logistics Expo sangat penting. Ia menghimpunkan keseluruhan ekosistem untuk berkongsi idea, mempamerkan inovasi, membina perkongsian dan secara kolektif memperkukuh daya saing logistik NBD.

Saya menggalakkan semua peserta untuk menggunakan ekspo ini bukan sahaja untuk mempamerkan keupayaan dan perkhidmatan, tetapi juga untuk terlibat secara bermakna, meneroka kerjasama baharu dan menyumbang ke arah membina ekosistem kargo udara dan perdagangan yang lebih kukuh bagi negara kita.

Dengan memperkukuh keupayaan logistik kita hari ini, kita menjamin kedudukan NBD dalam ekonomi serantau dan global pada masa hadapan, yang akan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Pertumbuhan sebenar sektor logistik adalah proses sinergi; infrastruktur dan sistem fizikal hanya menjana nilai apabila diaktifkan oleh ekosistem perusahaan swasta yang mantap, penyedia perkhidmatan yang tangkas serta pelabur strategik.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada BIACC atas penganjuran ekspo penting ini dan mengucapkan terima kasih kepada semua pempamer, rakan kongsi dan peserta atas komitmen awda untuk memajukan sektor perdagangan dan logistik NBD.

Semasa kita memulakan perjalanan ini bersama-sama, semoga ekspo ini menjadi pemangkin untuk perkongsian yang lebih kukuh, inovasi yang lebih besar dan masa depan yang lebih berhubung bagi NBD.

Dengan semangat kemajuan dan kerjasama ini, serta tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan BIACC Trade and Logistics Expo 2026. Semoga segala usaha yang dilaksanakan di sini membawa manfaat yang berkekalan kepada NBD.

Terima kasih, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Pengemaskinian tarif elektrik galakkan penggunaan tenaga secara berhemah

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah pun mengongsikan mengenai dengan pengemaskinian tarif elektrik bagi sektor komersial dalam ulasan menteri pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada 17 Mac 2026.

Kadar tarif semasa telah diteliti semula, khususnya bagi sektor komersial, iaitu dari bersifat 'regresif' ke 'progresif', bagi menggalakkan penggunaan tenaga secara berhemah, menyokong pembiayaan sistem tenaga yang semakin berkembang, menjamin keterjaminan bekalan elektrik, serta memperkukuh keyakinan pelabur dan daya tarikan negara terhadap Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Perkara berkenaan juga dinyatakan oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam kenyataan bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2026/2027 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN pada 14 Mac 2026.

Pengemaskinian tarif elektrik progresif bagi sektor komersial dicadangkan untuk dilaksanakan pada 2028.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Ramadan bulan keberkatan

DALAM bulan Ramadan yang Mubarak ini, Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan ganjaran pahala yang sangat besar dan memberikan pengampunan kepada hamba-hamba-Nya yang berusaha meningkatkan iman dan takwa mereka. Di samping melaksanakan ibadat puasa, kita disunatkan untuk memperbanyakkan doa, berzikir, mengerjakan amalan-amalan yang berkebajikan seperti bersedekah, memberikan bantuan kepada orang yang memerlukan dan sebagainya. Begitu juga dengan mengerjakan sembahyang sunat Tarawih, witir dan bertadarus Al-Quran di malam-malam bulan Ramadan. Semoga dengan ketekunan dan keikhlasan dalam mengerjakan amal ibadat itu akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk mendapatkan kelebihan dan ganjaran yang berlipat ganda yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, ibadat puasa hendaklah dilakukan dengan sempurna dan bersungguh-sungguh, bukannya ala kadar atau asal berpuasa sahaja kerana berpuasa itu bukan hanya setakat menahan diri daripada makan dan minum dan dari melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa, akan tetapi hendaklah juga menjaga adab-adab ketika berpuasa. Antaranya ialah memelihara diri dari melakukan perkara-perkara yang mendatangkan dosa seperti menutup pandangan dan pendengaran dari perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak dan dari perkara-perkara yang boleh melalaikan hati dari mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, menjaga lidah daripada mengumpat, berdusta, memfitnah, bertengkar dan sebagainya dan seterusnya kita hendaklah juga memelihara seluruh anggota yang lain daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan diharamkan.

Ibadat puasa itu mempunyai banyak rahsia dan hikmahnya, antaranya dapat memberikan kesedaran kepada kita akan kelaparan, kesusahan dan kesengsaraan orang-orang yang tidak berkemampuan. Manakala ketika berbuka dan menikmati juadah berbuka, pasti ada di antara kita yang teringat kepada orang-orang yang tidak berkemampuan dan tertanya-tanya adakah mereka dapat menyediakan juadah untuk berbuka ketika ini? Pertanyaan inilah yang boleh menimbulkan kesedaran dan seterusnya akan membuka hati kita untuk bersifat prihatin dan sedia membantu. Oleh itu di bulan puasa ini, rebutlah peluang dengan amalan bersedekah, khususnya kepada orang-orang yang memerlukannya kerana ia bukan sahaja dapat meringankan beban yang dipikul, bahkan dapat memberi kebahagiaan dan kegembiraan dalam hati mereka. Inilah amalan yang dapat mewujudkan kasih sayang sesama kita dan seterusnya akan menjadikan kita satu masyarakat yang penyayang dan bersatu padu.

Amalan bersedekah, tidak kira kecil atau besar, banyak atau sedikit, murah atau mahal adalah amalan mulia yang sangat dianjurkan oleh agama Islam dan dijanjikan ganjaran yang sangat besar dan berlipat ganda. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 245 yang mafhumnya :

"Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta pada jalan Allah secara ikhlas), supaya Allah akan melipatgandakan baginya ganjaran yang berganda-ganda banyaknya? Dan Allah jualah menyempitkan dan meluaskan (pemberian rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya). Dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan".

Sesungguhnya pengertian sedekah itu sangatlah luas, ia tidak hanya terbatas kepada pemberian material sahaja, tetapi juga sumbangan melalui tenaga, nasihat, teguran bahkan bertasbih, bertahmid dan bertakbir juga termasuk sebagai sedekah. Orang-orang yang suka bersedekah itu adalah orang yang beruntung. Bukan kerugian yang didapati melainkan semakin bertambah-tambah rezekinya dan akan mendapat ganti yang lebih baik dari apa yang telah dibelanjakannya untuk bersedekah itu. Oleh itu bersedekahlah menurut kemampuan yang ada, jangan teragak-agak atau berkira-kira untuk bersedekah.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa agar ibadat puasa yang kita kerjakan sepanjang bulan Ramadan ini akan dapat dikerjakan dengan sempurna hingga dapat mencapai kehendak puasa yang sebenar-benarnya dan diterima Allah Subhanahu Wata'ala. Begitu juga dengan segala ibadat dan amal yang berkebajikan yang dilakukan dengan niat yang ikhlas itu, mudah-mudahan akan mendapat ganjaran serta keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

MELAHIRKAN MASYARAKAT GEMAR MEMBACA AL-QURAN

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

MAJLIS yang berlangsung di Masjid Kampung Kilanas berkenaan dihadiri oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selaku tetamu kehormat majlis (atas dan kiri).

KILANAS, Isnin, 16 Mac. – Acara Bertadarus tiap-tiap malam di bulan Ramadan 1447 Hijrah yang diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Kilanas berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran yang diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim khas untuk Kampung Kilanas.

Majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Kilanas berkenaan dihadiri oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan acara khatam Al-Quran.

Bacaan Doa khatam dikepalai oleh Imam Tingkat II, Masjid Kampung Kilanas, Awang Muhd. Fahmie bin Awang Haji Metussin, manakala bacaan Doa Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki.

Majlis turut menyaksikan penyampaian cenderamata kepada wakil-wakil kumpulan peserta khatam Al-Quran.

Pada tahun ini, seramai 22 anak yatim menerima sumbangan derma berupa wang tunai hasil daripada Tabung Derma Khas Anak-anak Yatim bagi Kampung Kilanas yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diakhiri dengan bersungkai dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan Takmir Masjid Kampung Kilanas yang antara lain bertujuan untuk memberi peluang, dorongan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan jemaah-jemaahnya membiasakan membaca Al-Quran.

Disamping itu, ia juga dihasratkan untuk melahirkan masyarakat yang lancar dan gemar membaca Al-Quran di samping untuk memupuk dan menjalinkan hubungan baik, mesra serta erat antara AJK takmir masjid dengan semua jemaah Masjid Kampung Kilanas khasnya serta penduduk Kampung sekitarnya.

MINDA PEMBACA

Memperkasa budaya membaca

KEGIATAN membaca bukan sekadar sebuah kegiatan memerhati dan menyebut-ulang huruf aksara semata-mata. Ia adalah sebuah bentuk seni dalam kehidupan, menjadi terapi jiwa dan ubat buat minda manusia. Membaca adalah sebuah proses yang menjanjikan keseronokan, kenikmatan dan pemicu adrenalin yang mengaktifkan seluruh deria tubuh. Namun untuk mendapatkan ganjaran tersebut, otak dan minda harus disuguhkan dengan bahan bacaan bermutu. Seumpama anggota tubuh badan yang memerlukan zat dan vitamin mencukupi dalam proses pertumbuhannya, begitu juga minda manusia. Ini kerana pertumbuhan dan perkembangan otak manusia adalah bergantung kepada apa yang dibaca, dicerap, dicerna dan dihadamnya.

Kegiatan membaca bukan semata-mata terobligasi hendak lulus peperiksaan atau kerana dipaksa. Kegiatan ini sewajarnya menjadi sebuah budaya dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Betapa sebuah buku berupaya membentuk dan menjana perabadan sesebuah bangsa melalui pemikiran masyarakatnya yang cakna dan cinta akan ilmu. Membaca buku mampu mengubah nasib diri, membuka seribu macam pintu ilmu pengetahuan dan pengalaman berguna. Membaca menjadi titian dalam menelusuri kehidupan, menyaring yang baik dan sebaliknya, membentuk akhlak dan peribadi, membenahi moral dan mewujud citra negara. Bangsa yang besar adalah bangsa yang membudayakan ilmu dan kegiatan membaca. Bahkan turut melestarikannya ke dalam korpus keilmuan dan penyebaran dalam bentuk universal sesuai dengan peredaran zaman.

Jika dilihat dari sudut jumud dan dangkal, buku hanyalah sekadar objek mati yang kadang-kadang diabaikan disebabkan saiz, bentuk bahkan harganya. Namun bagi mereka yang bijak menilai dan menimbang tara, buku dan kegiatan membaca menjanjikan untung dan laba yang tidak terhingga. Justeru, cintailah buku dan jadikanlah kegiatan membaca sebagai sebuah budaya sejak dini.

Nama : Ak. Mohd Noor Sham@ Ak. Hidie bin Pg. Hidup
No. K/P : 01-041XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'.** Tarikh Tutup **: 18 Mac 2026**
2.**'Peranan Individu Dalam Mengurangkan Pemanasan Global'.** Tarikh Tutup **: 25 Mac 2026**
3.**'Menyantuni Anak Yatim: Tanggungjawab Bersama'.** Tarikh Tutup **: 1 April 2026**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(IV Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
24 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
7 April 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 047 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Pemeliharaan Kerja Mekanikal dan Elektrikal Di Loji Rawatan Air Bukit Barun, Tutong 2027-2030

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
31 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
14 April 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Pam Saliran Di Jalan Bunga Simpur (PS2), Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
24 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
7 April 2026 (Selasa)
Tidak lewat dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 013 / 2026

Nama Projek :
Membaik Pulih Cerun Di KM4 Jalan Labi, Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-001-001

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III dan IV sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM003 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / PDB.01

Nama Projek:
Kerja-kerja Membaikpulih Kerosakan Di Bangunan Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
24 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 April 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
14 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract For Maintenance Of Air-Conditioning System And Electrical Works At The Land Boundary Secretariat Office Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Perayaan For A Period Of Twenty-Four (24) Months - FSOR

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
1 April 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Sebut Harga:
02 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Sofa Sets Refurbishment Works At Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Subok

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
1 April 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Sebut Harga:
MFA / SEC / 06 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Untuk Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Di Jalan Perayaan Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Sebut Harga:
01 / MFA-ICC-Q / 2026-27

Tajuk Sebut Harga:
Pest Control Services For International Convention Centre, Berakas For A Period Of Thirty Six (36) Months

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis, 9 April 2026.

Borang Sebut harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 01 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Bangunan Bagi Pejabat Unit Kemajuan Industri Padi dan Green House Di KKP Wasan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

2. JPt / SH / 02 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

3. JPt / SH / 03 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Pembaikan AM dan Elektrik Di Bangunan-Bangunan Di Bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Di Daerah Temburong

4. JPt / SH / 04 / 2026 - 2027
Perlaksanaan Penilaian Survelan ISO/IEC 17025 Bagi Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar

5. JPt / SH / 05 / 2026 - 2027
Supply and Deliver Antisera, Check & Trace Kit and Supplementary Consumables for Salmonella Serotyping

6. JPt / SH / 06 / 2026 - 2027
To Supply and Deliver Salmonella Test Kits and Its Supplementary Items

KEMENTERIAN KESIHATAN

Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 05 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 06 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 07 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 08 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 09 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 30 / 2026 / HTD
Provision Of Outsourcing Of 15 Support Trainers For End User Training For Two (2) Years For Ministry Of Health – MOH / HTD / T33 / 2025

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 31 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Comissioning Of Centrifuge For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 32 / 2026 / UPP(TC)
Supply And Delivery Of Anterior Cruciate Ligament Reconstruction (ACL) System For Department Of Orthopaedic, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 33 / 2026 / SSBH
Provision Of Maintenance Services For Pest And Snake Control Services For Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait For A Period Of One (1) Year

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan / atau Kementerian Pembangunan

Kelas:
II

Kategori:
KPB05

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 34 / 2026 / SSBH
The Provision Of Laundry Services For Operating Theatre Suri Seri Begawan Hospital And Kuala Belait Dialysis Center (KBDC) For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 35 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Comissioning Of Double Door Refrigerator For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 36 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Cleaning Services And Grass Cutting Services For Muara Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 37 / 2026 / ESTETRIPASH (TC)
Term Contract For Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate Services From Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 38 / 2026 / SSBH
To Supply And Install Signage Complete With Other Accessories At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas:
II dan III

Kategori:
KPB07

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 39 / 2026 / LAB (TC)
The Provision Of An Integrated Pest Control Management System Services For The Clinical Molecular Diagnostic Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) Building, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 40 / 2026 / LAB (TC)
The Supply / Recruitment Of Clinical Care Assistants (CCAs) For Blood Donation Centre And District Hospital Blood Banks, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 41 / 2026 / JPR (TC)
The Provison Of Laundry Services For Rimba Dialysis Centre And Kiarong Dialysis Centre, Department Of Renal Services For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
31 Mac 2026,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 54 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 55 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 56 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 57 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 58 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 59 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 1,000.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 60 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 2,000.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 61 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 62 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 63 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 64 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 65 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 66 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 67 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 68 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 69 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 70 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 55 / 2026 / ESTETRIPASH

Keterangan:
Water Pump Replacement Works At Various Location At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
7 April 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1623) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
One-Off Preventive Maintenance Services For GE Healthcare Phototheraphy In Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1624) / 2026 / HTD (A19)

Keterangan:
One-Off Preventive Maintenance Service Of Daavlin 3 Series PC Phototheraphy Machine, S/N: P3514-ASNBPC-2424 BME7688, In Dermatology Clinic, SSB Hospital Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Bilangan Sebut Harga:
(19) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Barcode Sticker For Suri Seri Begawan Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Five (05) Years (Clustering)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 April 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 25-26 / 16

Keterangan:
Perbekalan Dan Penghantaran Dua Ribu Lima Ratus (2,500) Liter Bahan Campuran Pengasapan 'Fogging Solution' Bagi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
44 / QTN / JPK / 2025

Keterangan:
Supply And Delivery Of Forty (40) Units Of General Pedal Bin 30l For All Tutong Health Centre, Department Of Health Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1607) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
To Repair Four (4) Units Of Baby Incubator, Brand: GE, Model: Omnibed At WCC Ripas Hospital

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1606) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply And Deliver Spare Parts For Newtron Scaler Handpiece For Department Of Dental Services, Ministry Of Health (w/o: 2026-11053)

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1605) / 2026 / HTD (A18)

Keterangan:
Replacement Of Video Nasopharyngoscopy For Otopront ENT Workstation, Model: Basic Plus, BME25822

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1602) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
To Repair Two (2) Units Of Multi-Parameter Patient Monitor, Brand: Welch Allyn, Model: Spot Vital Signs LXI At WCC RIPAS Hospital

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1583) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Spare Parts Of Three (3) Units Of Midmark Autoclaves, Model: Dentisure B18, BME25729 & BME29614 At Berakas Health Center And BME29626 At Sungai Liang Dental Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1585) / 2026 / HTD (A17)

Keterangan:
To Service And Repair Spareparts For One (1) Unit Of Hettich Floor Standing Centrifuge, Model: Roto Silenta 630 RS, BME25274, 0002192-29 At NMR Laboratory, Sumbiling (WO:2025-9476)

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
(15) PSD / QTN / 2026 – (JDP)

Keterangan:
Pembelian Set Sofa Bagi Kegunaan Di Bilik Jabatan Dasar Dan Perancangan

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
(16) PSD / QTN / 2026 – (IT)

Keterangan:
The Purchase Of Network Attached Storage (NAS) For TOPCON Machine And Imagenet 6 Licences For AI Retinopathy Project (Non-Clustering) – MOH/HTD/T01/2026

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
(17) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)

Keterangan:
Two (2) Years Contract For Maintenance And Repair Electrical Services Under Ministry Of Health Complex

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
(18) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)

Keterangan:
Work Of Relocation And Transfer Existing Telephone Landlines At All Units, East And West Wing, Block 2G, Ong Sum Ping, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Bilangan Sebut Harga:
(02)IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / ICU

Keterangan:
Supply And Delivery Medical Items (Dressing Trolley And Drip Stand) For Intensive Care Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Non-Clustering)

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
28 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penyelidikan Tanah Bagi Cadangan Pembinaan Di Perumahan Negara Kg. Lugu, Fasa 2B, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek:
JKP / 03 / 2026

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada ***tender.jkp@hdd.gov.bn.***

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu
11 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
31 Mac 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan,
BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 003 / 2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of 25/30 MVA ONAN/ONAF 132/66/11kv Power Transformer At Muara Substation

Tarikh Tutup:
7 April 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 4, 5 Atau 6 Dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KSSUP / BIOS / JKSH / 03 / 2025-2026
Membekalkan Jamuan Bagi Ahli Jawatankuasa Yang Bertugas Bagi 38th Session Of The Food And Agriculture Organisation (FAO) Regional Conference For Asia And Pacific Regional Conference (APRC) 2026

Tarikh Tutup Mengambil Borang Sebut Harga:
Khamis,
26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Secara Terbuka Bagi Pengendalian Kursus Modular dan Signature Programme (Batch 1) Bagi Tahun Kewangan 2026/2027

1. DA / JKSH / 13 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Managing Strategy
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

2. DA / JKSH / 14 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Power Of Negotiation
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

3. DA / JKSH / 15 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Building Communication Confidence & Public Speaking
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

4. DA / JKSH / 16 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Strategic Leadership
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

5. DA / JKSH / 17 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Design Thinking
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

6. DA / JKSH / 18 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Business Process Re-Engineering
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

7. DA / JKSH / 19 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Microsoft Excel For Beginners (Basic)
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

8. DA / JKSH / 20 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Microsoft Word (Basic)
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

9. DA / JKSH / 21 / 2026 / 2027 [HRD-APRIL-2026]
Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi:
Mail Merge Menggunakan Microsoft Word (Intermediate)
Jumlah Hari Kursus: Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 4 April 2026
(Jam 9.00 Pagi)

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan:
MINDEF / DFA / MWOC / L / 1 (01/2026)
Jualan Tawaran Sebutharga Bagi 1 Lot Harta Benda Kerajaan, 1 Lot Besi Buruk, 1 Lot Bateri Terpakai Dan 1 Lot Besi Buruk Peralatan Kapal Kepunyaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 Mac 2026

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
KA01 & B01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
7 April 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam

JASTRE / BL / DB / 01/ 2025(R) Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penaik Taraf Tapak Semaian Belimbing, Bandar Seri Begawan (Reka Dan Bina)

No. Projek:
JASTRE / BL / DB / 01/ 2025(R)

Jumlah Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 007
Pembelian Portable Compressor Breathing Apparatus Bagi Unit Khidmat Bomba dan Keselamatan, Khidmat Bantuan Kombat, Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 31 Mac 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 April 2026
2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / K02 / 2025 - 2026

Keterangan Tajuk Sebut Harga:
Membekal, Menghantar dan Memasang Papan Tanda Bagi Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama 1447H / 2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
28 Ramadan 1447H /
18 Mac 2026M,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik seperti berikut :

Jawatan:
Penolong Profesor (PT2/PT2A)

Tangga Gaji:
PT2A (BND4,480.00 - BND 5,610.00) Sebulan;
PT2 (BND 3,880.00 - BND 4,960.00) Sebulan

Kemudahan Elaun:
BND 250.00 Sebulan

Bidang:
Tafsir / Hadith / Law / Shariah / Bahasa Arab (Arabic Language) / Kesusasteraan Arab (Arabic Literature) / Terjemahan (Translation) / Accounting / Melayu Islam Beraja / Business Management / Islamic Finance/ Economics / Development Management / Islamic Governance / Halal Sciences / Technology & Innovation / Data Analytics / Programming / Computer Networking / Information And Communication Technology / Mass Communication / Agriculture / Aquaculture / Horticulture / Agritechnology / Animal Husbandry / Agronomy / Data Science / Artificial Intelligence (AI) / Machine Learning / Tourism

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin, 9 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin, 23 Mac 2026

Rujukan Iklan:
UNISSA/IJK/AKA(7A)/2026/PP

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi UNISSA nombor *hotline* 8687055 atau e-mel kepada *recruitment@unissa.edu.bn*

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik tempatan bolehlah menggunakan Form P2 (Borang P2) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik luar negeri bolehlah menggunakan Form P3 (Borang P3) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik seperti berikut :

Jawatan:
Profesor (PT5/PT5A)

Tangga Gaji:
PT5 (BND8,000 - BND8,210) / PT5A (BND9,500 - BND9,750 - BND10,000) Sebulan

Kemudahan Elaun:
BND800.00 Sebulan

Bidang:
Halal Science, Agriculture, Islamic Finance

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin, 9 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin, 23 Mac 2026

Rujukan Iklan:
UNISSA/IJK/AKA(7A)/2026/PROF.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi UNISSA nombor *hotline* 8687055 atau e-mel kepada *recruitment@unissa.edu.bn*

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik tempatan bolehlah menggunakan Form P2 (Borang P2) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik luar negeri bolehlah menggunakan Form P3 (Borang P3) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik seperti berikut :

Jawatan:
Profesor Madya (PT4)

Tangga Gaji:
PT4 (BND6,800.00 - BND7,010.00) sebulan

Kemudahan Elaun:
BND500.00 Sebulan

Bidang:
Falak Syarie

Tarikh Buka Permohonan:
Isnin, 9 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
Isnin, 23 Mac 2026

Rujukan Iklan:
UNISSA/IJK/AKA(7A)/2026/PM

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi UNISSA nombor *hotline* 8687055 atau e-mel kepada *recruitment@unissa.edu.bn*

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik tempatan bolehlah menggunakan Form P2 (Borang P2) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik luar negeri bolehlah menggunakan Form P3 (Borang P3) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
33 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Barang Merchandise Sempena Perasmian Strategi Membaca Kebangsaan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

MAJLIS KHATAM AL-QURAN PPDB

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Mac. - Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengelolakan satu Majlis Khatam Al-Quran PPDB sempena bulan Ramadan tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang telah berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut berangkat dan hadir sama, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta para pengarah dan timbalan pengarah, ketua formasi, pegawai, anggota pangkat rendah serta kakitangan PPDB.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan seterusnya bacaan-bacaan Takhtim dan Dikir Marhaban.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, PPDB, APO Staff Sgt 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar serta menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Seramai 57 peserta lelaki dan 19 peserta wanita terdiri daripada warga PPDB dan jemaah luar, telah menyertai Majlis Khatam bagi bulan Ramadan tahun ini.

PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran PPDB (atas). Manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Pupuk semangat keprihatinan dalam kalangan warga UNISSA

REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ramadan for Raya Donation Drive 3.0 yang merupakan salah satu inisiatif kebajikan sempena bulan Ramadan.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Persatuan Pelajar Kewangan dan Ekonomi Islam (iFESS), Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telahi menganjurkan Program Ramadan for Raya Donation Drive 3.0 sebagai salah satu inisiatif kebajikan sempena bulan Ramadan.

Sesi penerimaan barangan sumbangan telah diadakan pada 11 hingga 14 Mac 2026 bertempat di Gymnasium UNISSA, manakala sesi pengagihan barangan sumbangan kepada penerima yang memerlukan telah dilaksanakan pada 15 Mac 2026 di Gymnasium UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Program ini bertujuan memupuk semangat kebajikan dan keprihatinan dalam kalangan warga UNISSA serta masyarakat umum, di samping membantu golongan kurang berkemampuan membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri melalui sumbangan pakaian dan barangan keperluan yang masih dalam keadaan baik.

Inisiatif ini juga menyokong usaha mengurangkan pembaziran melalui pengagihan semula barangan yang masih boleh digunakan serta memperkukuh budaya kesukarelawanan dalam kalangan pelajar.

Mangga Sagu

Kampung Menengah

Foto : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd Aziz

BAHAN-BAHANNYA :
Mangga
1 tin susu cair
Susu manis (Ikut tahap kemanisan masing-masing)
Sagu
Nata De Coco

CARA-CARA MEMASAK :
Masukkan air ke belanga dan masak sagu sehingga kembang. Selepas di tapis airnya, letak sagu, susu cair, susu manis, Nata De Coco serta mangga yang telah di potong dadu ke dalam mangkuk untuk dihidang.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 58 PESERTA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

SALAMBIGAR, Selasa, 17 Mac. - Nadi Quranic Learning Centre (NQLC) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang melibatkan empat cawangan, iaitu Serusop, Jerudong, Tutong dan Salambigar, yang berlangsung lewat petang tadi di Dewan Mahligai Al-Barakah Ballroom, Mid Valley, Kampung Salambigar, di sini

Majlis berkenaan menyaksikan seramai 58 peserta yang terdiri daripada 16 peserta lelaki dan 42 peserta perempuan diraikan setelah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Hadir, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis antara lain bertujuan untuk meraikan pencapaian para peserta dalam menamatkan bacaan Al-Quran serta menggalakkan amalan membaca dan mendalami Al-Quran dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, ia juga mencerminkan komitmen NQLC dalam melahirkan generasi celik Al-Quran melalui program pengajian yang berterusan dan tersusun.

REKTOR UNISSA hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan seterusnya menyerahkan sijil penyertaan kepada peserta khatam (kanan). Manakala gabamr bawah, antara peserta yang menyertai khatam berkenaan.

Raih keberkatan, ganjaran pahala bulan Ramadan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat menyerahkan sumbangan derma kepada penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Dalam usaha untuk memupuk budaya membaca serta menggalakkan masyarakat yang beragama Islam di negara ini untuk membaca Al-Quran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan mengadakan Program 60 Minit Bersama Al-Quran secara fizikal di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan secara maya menerusi laman sosial DBP.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Program diserikan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis diteruskan dengan bacaan Al-Quran beramai-ramai selama 60 minit secara serentak, iaitu Juzuk 4, Surah Ali Imran, ayat 93 hingga 200 dan Surah An-Nisa, ayat 1 hingga 23.

Antara objektif penganjuran program berkenaan adalah untuk memupuk budaya membaca serta menggalakkan lebih ramai rakyat dan penduduk di negara ini untuk membaca Al-Quran. Di samping itu, program berkenaan juga bertujuan untuk meraih keberkatan dan ganjaran pahala pada bulan Ramadan dengan mempelawa orang ramai meluangkan sekurang-kurangnya 60 minit untuk membaca dan mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah ketua-ketua bahagian dan jabatan serta pegawai dan kakitangan KKBS.

Penstriman langsung menerusi aplikasi Zoom turut disertai oleh pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa institusi pengajian tinggi, pelajar sekolah, pihak persatuan serta orang ramai. Siaran langsung juga dapat diikuti melalui YouTube, Instagram dan TikTok Perpustakaan DBP.

Program berkenaan diharap dapat menambah ilmu, memberi manfaat serta mengeratkan lagi ukhuwah sesama Muslim, khususnya dalam kalangan pegawai, kakitangan, jemputan dan orang ramai yang mengikuti program berkenaan.

Majlis ditutup dengan ucapan penghargaan daripada Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit selaku Pengerusi Majlis kepada semua peserta program, dengan harapan agar penyertaan dalam majlis yang bermanfaat berkenaan akan terus meningkat pada masa akan datang.

Program juga diselajurkan dengan Majlis Khatam Al-Quran KKBS serta Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak-anak Yatim.

Ringankan beban kewangan golongan memerlukan menjelang Hari Raya

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

BERAKAS, Isnin, 16 Mac. - Seramai 159 orang anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) serta tiga buah keluarga terpilih di bawah Program 1 Kampung 1 Keluarga (1K1K) menerima bantuan sempena Majlis Infaq Ramadan dan Program 1K1K serta Penyampaian Derma Anak Yatim Mukim Gadong 'B'.

Majlis diadakan di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Gadong 'B' sebagai inisiatif membantu meringankan beban kewangan golongan yang memerlukan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, di samping menyemai nilai prihatin, pemedulian dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin; Penghulu Mukim Gadong 'B' merangkap Pengerusi MPM Gadong 'B', Awang Rosliani bin Haji Umar; Penasihat 2 MPM Gadong 'B', Kolonel (B) Dr. Awang Hafizul bin Haji Awang Mohd. Hassan; serta Ketua Bahagian Penaja dan Perekonomian, Pengiran Haji Manshor bin Pengiran Jaya.

Program Infak Ramadan berkenaan merupakan antara program tahunan yang dikendalikan MPM Gadong 'B'.

Pelaksanaan program tersebut turut mendapat sokongan pelbagai syarikat dan penderma yang menyumbangkan barang-barang asasi, makanan, minuman serta bantuan kewangan bagi membantu anak-anak yatim dan keluarga yang terlibat dalam program 1K1K.

Dalam satu kenyataan, Penghulu Mukim Gadong 'B' merakamkan penghargaan kepada para penaja yang telah menyumbang dalam menjayakan projek tersebut.

Antara penaja yang terlibat ialah Pengarah Urusan G.H.K. Motors Sdn. Bhd., Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin; Dato Ting Jack Chai dari City Neon Brunei; Hajah Darul binti Abdullah dari AMJ Enterprise Restaurant and Catering Services; Foroz Khan Namroz Khan; Puan Lim Hi Tuan; Raymon dari Syarikat Aliaa; Pengiran Fairul Alinur bin Pengiran Haji Hamlin dari FS Create; Jeffery Ting MSc dari Jotech; NGS Mini Mart; Sin Kiew Hin; Syarikat Haleefah; Syarikat Azzahra Emina Sdn. Bhd.; Syarikat Halimun; Syarikat Faieez; Syarikat Green Mart; Syarikat Malar Setia; Keluarga Hapidz Holding; Keluarga Penghulu Mukim Gadong 'B'; serta penderma-penderma persendirian.

Penghargaan turut diberikan kepada JDBM, Radio Televisyen Brunei, pihak media massa, para ketua kampung dan Pemangku Ketua Kampung Mukim Gadong 'B' serta semua ahli jawatankuasa MPM Gadong 'B' yang sama-sama menjayakan majlis berkenaan.

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara menyerahkan sumbangan kepada para penerima.

BERKONGSI REZEKI BERSAMA ANAK YATIM

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SALAMBIGAR, Isnin, 16 Mac. – Sebagai salah satu usaha bagi menyemarakkan lagi keberkatan bulan Ramadan di samping menyantuni dan memberikan kegembiraan kepada anak-anak yatim, Satu Majlis Berbuka Puasa serta Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim telah diadakan anjuran bersama Arno Zoey Wonderland, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau Kawasan 2 dan 4 serta Kumpulan Khas Belia Bakti.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam Di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok.

Seramai 52 anak yatim dari RPN Kampung Mengkubau telah diraikan dalam majlis berkenaan, manakala 32 orang lagi anak yatim merupakan jemputan daripada Kumpulan Khas Belia Bakti yang terdiri daripada pelbagai kampung di Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Tutong.

Antara kampung yang terlibat termasuk Kampung Sungai Akar, Perpindahan Mentiri, Kampung Sungai Buloh, RPN Lugu, RPN Meragang, RPN Tanah Jambu, Kampung Mata-Mata, Kampung Sabun, Jalan Muara, Kampung Bolkiah 'A' serta Kampung Keriam.

Secara keseluruhannya, majlis berkenaan telah meraikan seramai 84 anak yatim, sekali gus mencerminkan semangat kerjasama masyarakat dalam menghulurkan bantuan dan perhatian kepada golongan yang memerlukan, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam Di Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat majlis. Hadir sama, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok (atas dan kiri).

Majlis diakhiri dengan sesi berbuka puasa bersama serta penyampaian sumbangan yang diserahkan oleh Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu dan Yang Berhormat Awang Lawi kepada anak-anak yatim.



ALAI PINTAR

SOALAN 169

SOALAN 18 MAC 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Pilih perkataan yang sama maksud dengan ceria.
   a) Sedih
   b) Gembira
   c) Lapar
2. Antara berikut, yang manakah termasuk bahan bukan hidup?
   a) Batu
   b) Burung
   c) Ikan
3. 1.25 - 0.75 =_____.
   a) 0.8
   b) 0.5
   c) 0.4

TARIKH TUTUP : 28 MAC 2026

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....
Tarikh Lahir : .....
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....
Sekolah : .....
Tahun : .....
Alamat : .....
.....
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

PEMENANG ALAI PINTAR 168 :

Nama : Nurin Adawiyah binti Alwardy
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0121707-01. Sekolah : Sekolah Rendah Tentera Laut

Nama : Nur Ameera Umaizah binti Md. Hasnali
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-202410. Sekolah : Sekolah Menegah Rimba II

Nama : Dk. Nur Qaisara Damia binti Pg. Hibatullah Khairul Arifin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-149509. Sekolah : Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 168

1. A - 2 jam
2. B - Kabur
3. C - Ketika azan Maghrib

"Setiap pesakit mempunyai profil tumor dan latar belakang yang berbeza. Rawatan perlu disesuaikan mengikut keperluan individu bagi memaksimumkan peluang pemulihan".

— Dr. Nur Sabrina Khadijah binti Mohd. Sabri, Pegawai Perubatan Onkologi untuk Pusat Kanser Brunei di Pusat Perubatan Jerudong Park.

Trend kanser di NBD menunjukkan kepentingan saringan awal

Rencana dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Infografik : Ak. Izzan Danish Pg. Idris, Penempatan penuntut Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

HARI Kanser Sedunia bukan sekadar tarikh dalam kalendar. Ia adalah masa untuk berhenti sejenak, merenung kemajuan dalam penjagaan kanser, dan mengingatkan bahawa di sebalik setiap diagnosis, terdapat seorang manusia dengan emosi, keluarga, dan harapan untuk masa depan. Perbincangan tentang kanser kini lebih daripada sekadar rawatan, ia tentang bagaimana sistem kesihatan memahami dan menghormati keunikan setiap individu.

Bagi Dr. Nur Sabrina Khadijah binti Mohd. Sabri, Pegawai Perubatan Onkologi untuk Pusat Kanser Brunei di Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), tema 'Bersatu Berasaskan Keunikan' mencerminkan perubahan besar dalam pendekatan rawatan kanser masa kini. Perubatan moden kini bergerak daripada konsep satu rawatan untuk semua kepada pendekatan yang disesuaikan mengikut profil biologi dan keadaan hidup pesakit.

"Setiap pesakit mempunyai profil tumor dan latar belakang yang berbeza. Rawatan perlu disesuaikan mengikut keperluan individu bagi memaksimumkan peluang pemulihan," jelas beliau.

Rawatan tepat, harapan baharu

Kemajuan dalam teknologi genomik, imunoterapi, dan perubatan sasaran membolehkan rawatan dirancang dengan lebih tepat. Ujian biomarker membantu mengenal pasti mutasi genetik tertentu pada tumor, membolehkan terapi yang lebih khusus digunakan tanpa menjejaskan sel sihat secara berlebihan.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan rawatan, tetapi juga membantu mengurangkan kesan sampingan dan mengekalkan kualiti hidup pesakit sepanjang tempoh rawatan.

Lebih dari sekadar diagnosis

Penjagaan kanser tidak terhad kepada aspek klinikal sahaja. Ia turut melibatkan kesejahteraan emosi, sosial, dan mental. Pesakit bukan sekadar nombor pendaftaran atau diagnosis, tetapi individu dengan kebimbangan, tanggungjawab keluarga, dan impian yang masih ingin dicapai.

"Merawat kanser bukan sekadar merawat penyakit, tetapi menjaga manusia secara menyeluruh," tambah Dr. Nur Sabrina.

Statistik yang menyedarkan

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kanser kekal sebagai cabaran kesihatan awam yang signifikan. Berdasarkan data terkini Kementerian Kesihatan sehingga awal 2026, kanser menyumbang sekitar 19 hingga 20 peratus daripada jumlah keseluruhan kematian di negara ini. Kes baharu juga menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Dianggarkan satu daripada empat lelaki dan satu daripada tiga wanita di NBD berisiko menghidap kanser sepanjang hayat mereka.

Bagi wanita, kanser payudara merupakan yang paling kerap didiagnosis, diikuti oleh kanser kolorektal dan serviks. Bagi lelaki pula, kanser kolorektal, prostat, dan paru-paru nadalah yang paling lazim. Cabaran utama ialah sebahagian besar kes, khususnya kanser payudara dan kolorektal, masih dikesan pada tahap lanjut.

"Apabila kanser dikesan pada peringkat lanjut, rawatan menjadi lebih kompleks dan peluang kelangsungan hidup menurun dengan ketara," jelas Dr. Nur Sabrina.

"Sebaliknya pengesanan awal membolehkan rawatan yang lebih ringkas dan kurang agresif. Pesakit mungkin hanya memerlukan pembedahan kecil tanpa perlu melalui kemoterapi intensif, sekali gus mengurangkan kesan sampingan seperti keletihan melampau dan tekanan emosi".

Mengapa pengesanan awal penting

Pengesanan awal merupakan cara paling berkesan untuk meningkatkan peluang hidup dan kualiti hidup pesakit. Program saringan nasional bagi kanser payudara, serviks, dan kolorektal telah membantu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeriksaan berkala.

Kaedah saringan kini lebih mudah dan integrasi platform digital seperti aplikasi BruHealth memudahkan orang ramai membuat janji temu secara proaktif, menjadikan pengesanan awal lebih mudah diakses oleh semua.

Penjagaan kanser sebagai usaha bersama

Penjagaan kanser moden melibatkan pasukan berbilang disiplin. Pesakit disokong oleh pakar bedah, pakar radiologi, jururawat onkologi, pakar pemakanan, ahli fisioterapi, ahli farmasi, kaunselor, dan pekerja sosial. Pendekatan ini memastikan rawatan yang diberikan menyeluruh, bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga emosi dan sosial. Faktor latar belakang pesakit seperti keadaan hidup, jarak ke pusat rawatan, tahap pendidikan, dan sokongan keluarga turut mempengaruhi keberkesanan rawatan.

Keputusan rawatan biasanya melibatkan perbincangan bersama keluarga, menjadikan komunikasi yang jelas dan sensitif budaya amat penting bagi memastikan pesakit memahami pilihan yang ada.

Mematahkan mitos, menerapkan gaya hidup sihat

Walaupun kesedaran tentang kanser semakin meningkat, salah faham masih wujud. Sesetengah orang percaya kanser adalah hukuman mati atau rawatan alternatif lebih berkesan daripada perubatan moden, yang boleh melambatkan rawatan yang sepatutnya dimulakan lebih awal.

"Kanser bukan lagi penamat. Dengan pengesanan awal dan rawatan berasaskan bukti, ramai pesakit mampu menjalani kehidupan yang lebih panjang dan bermakna," tegas Dr. Nur Sabrina.

Gaya hidup sihat tetap menjadi asas penting dalam pencegahan. Pemakanan seimbang, aktiviti fizikal, mengelakkan tabiat merokok, dan pemeriksaan kesihatan berkala adalah langkah praktikal yang boleh diambil oleh setiap individu dan keluarga.

Bersatu dalam keunikan

Mesej yang ingin disampaikan jelas. Setiap perjalanan kanser berbeza, tetapi masyarakat boleh bersatu untuk meningkatkan kesedaran, menyokong pesakit, dan menggalakkan pengesanan awal. Pendekatan yang menghormati keunikan setiap individu inilah yang memberi makna sebenar kepada konsep 'United by Unique'.

- Kanser kekal sebagai cabaran kesihatan awam yang signifikan.
- Kanser menyumbang sekitar 19-20 peratus daripada jumlah keseluruhan kematian di negara ini.
- Satu daripada empat lelaki dan satu daripada tiga wanita di NBD berisiko menghidap kanser sepanjang hayat mereka.
- Bagi wanita, kanser payudara merupakan yang paling kerap didiagnosis, diikuti oleh kanser kolorektal dan serviks.
- Bagi lelaki, kanser kolorektal, prostat dan paru-paru adalah yang paling lazim.
- Cabaran : Sebahagian besar kes, khususnya kanser payudara dan kolorektal, masih dikesan pada tahap lanjut.

Raya lebih bermakna dalam kesederhanaan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

SELAMA bulan suci Ramadan, kita telah berupaya menjalankan ibadah, meningkatkan keimanan, dan menahan diri dari hawa nafsu serta perbuatan dosa. Seiring dengan berlalunya hari-hari di bulan Ramadan, tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Namun, dalam menyambut hari yang penuh berkah ini, mari kita merenungkan tentang pentingnya memahami makna kesederhanaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri. Kesederhanaan mengajar kita untuk bersikap sederhana namun bermakna, serta menghindari pembaziran dan kemewahan yang tidak perlu.

Hari Raya Aidilfitri merupakan satu perayaan yang dinanti-nantikan oleh semua umat Islam di seluruh dunia. Sambutan Hari Raya Aidilfitri bukan hanya sekadar sebagai tanda kesyukuran setelah berpuasa selama sebulan, tetapi juga sebahagian daripada budaya dan tradisi yang dapat menyatukan keluarga dan masyarakat. Kegembiraan dalam merayakan Hari Raya dapat mencerminkan rasa syukur kepada Allah atas nikmat-Nya, mengukuhkan ikatan sosial antara sesama, serta mempererat hubungan dengan keluarga, sahabat handai dan juga jiran tetangga. Ketika kita memilih untuk bersikap sederhana, kita sebenarnya menghargai nikmat yang telah Allah berikan kepada kita, serta menunjukkan rasa syukur dan penghargaan terhadap kurnia-Nya.

Rancang perbelanjaan raya

Salah satu cara terbaik untuk mengimbangi kegembiraan menyambut raya dengan peruntukan bajet adalah dengan merancang perbelanjaan sejak awal. Kita perlu mengetahui apa yang perlu disediakan dan menentukan anggaran perbelanjaan yang sesuai dengan pendapatan. Dalam perancangan ini, pastikan keperluan seperti zakat fitrah, pakaian raya dan makanan diutamakan terlebih dahulu. Selepas itu, barulah membeli barangan tambahan seperti hiasan rumah atau keperluan Hari Raya yang lain jika perlu sahaja. Dengan membuat perancangan teliti, kita dapat mengelak pembaziran dan memastikan Sambutan Hari Raya berjalan lancar dan meriah.

Tidak salah berbelanja dan memanfaatkan tawaran menarik yang ada, tetapi disiplin kewangan yang ketat perlu ada bagi membezakan keperluan dan kehendak sewaktu berbelanja bagi musim perayaan ini.

Setiap kali menjelangnya raya, pasti topik utama para isteri, ibu-ibu ialah apa yang bakal dihidangkan kepada tetamu nanti. Kita sering kali terperangkap dalam tekanan untuk menyajikan hidangan yang banyak dan membeli pelbagai barangan baharu untuk menyambut Hari Raya. Namun begitu, kualiti adalah lebih penting daripada kuantiti. Sebagai contoh, kita perlu menyediakan makanan yang cukup, tetapi tidak berlebihan.

Begitu juga dengan pemilihan membeli baju raya. Pilih pakaian sesuai dengan bajet dan selesa untuk dipakai, dan jangan terpengaruh dengan perkembangan terkini semata-mata. Pada musim perayaan ini, sudah menjadi kebiasaan bagi pusat membeli-belah membuat jualan murah dan diskaun perayaan secara besar-besaran. Manfaatkan jualan murah dan diskaun yang ditawarkan pada musim ini, tetapi pastikan mengikut perbelanjaan awda yang telah ditetapkan.

Kesederhanaan menceriakan rumah

Hiasan rumah boleh memberikan suasana meriah, tetapi ini tidak bermakna kita perlu menghias rumah dengan segala jenis barangan yang mahal dan berlebihan. Dekorasi rumah secara sederhana tetapi penuh makna agar dapat mencipta suasana yang ceria dan meriah tanpa perlu membelanjakan wang yang banyak. Gunakanlah apa saja barang yang sedia ada yang tidak perlu untuk diganti semata-mata untuk memperlihatkan kepada tetamu yang berkunjung. Apa yang penting tetamu akan dapat merasakan suasana gembira dan ikatan ukhuwah akan lebih terasa.

Berkongsi rezeki

Hari Raya untuk bergembira setelah sebulan berpuasa jadi berkongsi kegembiraan Hari Raya dengan mereka yang kurang bernasib baik akan lebih bermakna lagi. Berkongsi sedikit rezeki untuk anak-anak yatim, golongan fakir miskin, atau jiran-jiran yang memerlukan adalah satu amalan yang sangat digalakkan dalam Islam. Bagi yang sering mengadakan rumah terbuka, jemputlah mereka untuk berkunjung ke rumah bagi sama-sama meraikan sambutan raya. Amalan ini bukan sahaja memberi kepuasan, tetapi juga menyuburkan rasa syukur dan keberkatan dalam hidup kita.

Kesimpulan

Hari Raya adalah hari untuk kita bersyukur, berkumpul dengan keluarga, dan meningkatkan ibadah. Dengan merancang perbelanjaan secara bijak, dan bersederhana dalam segala hal, maka kita akan dapat merayakan hari yang penuh keberkatan ini dengan penuh kegembiraan dan ketenangan. Di penghujung Ramadan ini, teruslah fokus terlebih dahulu pada amal ibadat kerana bulan Ramadan ini akan meninggalkan kita. Selain itu, amalkan kesederhanaan dalam sikap dan tidak berlebihan serta mengelakkan pembaziran justeru memberikan kita makna Hari Raya yang lebih mendalam dan indah. Semoga Hari Raya yang bakal tiba membawa keberkatan dan kebahagiaan kepada kita semua.

12 keluarga terima sumbangan barang asasi

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (kiri dan bawah kiri).

LUMAPAS, Isnin, 16 Mac. - Bagi membantu meringankan beban perbelanjaan kepada golongan yang memerlukan, di samping memberikan keceriaan kepada mereka pada bulan Ramadan Al-Mubarak, khususnya menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, seramai 12 buah keluarga dari Kampung Lumapas pagi tadi menerima sumbangan barang asasi.

Majlis tersebut berlangsung di Masjid Kampung Lumapas dan di kediaman penerima.

Hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan berkenaan kepada golongan yang memerlukan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis yang diungkayahkan bersama Kumpulan Belia Masjid al-Akhyar, Masjid Kampung Lumapas dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid ini bertujuan untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan, di samping menggalakkan amalan bersedekah serta menyemai rasa prihatin terhadap golongan yang memerlukan, di mana setiap amal kebajikan dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Memperkukuh penglibatan bersama masyarakat

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah menganjurkan Kempen Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) pada 6 Mac lalu, sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya dalam menyokong kesejahteraan masyarakat dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Sumbangan yang terdiri daripada barangan keperluan asas yang disumbangkan oleh ahli-ahli pihak pengurusan kanan SHENA, telah diserahkan oleh Pengarah Perancangan Strategik, Dayang Salmaya Rahayu binti Salleh; dan Pengarah Sumber Tenaga Manusia dan Perkhidmatan Korporat, Dayang Umi Khadijah binti Haji Zaini kepada Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pemulihan, Perlindungan dan Probesyen, Dayang Noryani binti Haji Abdul Rani.

Melalui inisiatif seperti kempen sumbangan CSR berkenaan, SHENA terus menunjukkan komitmennya dalam menyokong masyarakat serta menyumbang kepada kesejahteraan golongan yang kurang berkemampuan.

SHENA kekal komited dalam melaksanakan mandatnya untuk melindungi keselamatan dan kesihatan tempat kerja, alam sekitar dan pengawalseliaan perkara berkaitan radiasi di Negara Brunei Darussalam, di samping memupuk tanggungjawab sosial serta memperkukuh penglibatan bersama masyarakat.

KEMPEN Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menunjukkan komitmennya dalam menyokong masyarakat serta menyumbang kepada kesejahteraan golongan yang kurang berkemampuan.

MEMBUDAYAKAN AMALAN MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

PROJEK berkenaan memberi peluang kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas serta keluarga dan orang awam untuk memilih dan menerima pakaian terpakai yang masih berkualiti hasil sumbangan warga jabatan dan rakan strategik (atas, atas kanan dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Mac. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas telah melaksanakan Projek Kelestarian Pakaian dan Sosial, iaitu satu inisiatif bersepadu yang menggabungkan aspek kelestarian alam sekitar dan kebajikan sosial melalui pendekatan berasaskan komuniti.

Kemuncak projek ini ialah Hari Komuniti Kelestarian JPKhas yang diadakan pada 16 hingga 17 Mac 2026 bertempat di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim.

Program ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas serta keluarga dan orang awam untuk memilih dan menerima pakaian terpakai yang masih berkualiti hasil sumbangan warga jabatan dan rakan strategik.

Antara objektif utama projek ini termasuklah mengurangkan sisa tekstil melalui amalan guna semula; memupuk budaya kelestarian dan tanggungjawab sosial dalam kalangan warga jabatan; menyokong kebajikan komuniti melalui pengagihan semula pakaian; meningkatkan kesedaran mengenai pengurusan sisa secara bertanggungjawab; serta memperkukuh jaringan kerjasama antara jabatan, sekolah dan rakan strategik.

Pelaksanaan projek ini telah dimulakan dengan Fasa Kesedaran dan Pengumpulan dari 21 Februari hingga 12 Mac 2026, yang merangkumi kempen kesedaran serta aktiviti kutipan dan pengasingan pakaian sumbangan.

Projek ini menyasarkan pengumpulan sekurang-kurangnya 200 kilogram pakaian masih dalam keadaan baik, dengan sekurang-kurangnya 60 peratus daripadanya dijangka dapat digunakan semula melalui pengagihan kepada penerima yang layak dan memerlukan.

Selain memberi manfaat secara langsung kepada pelajar berkeperluan khas, keluarga mereka serta orang awam, projek ini dijangka dapat mengurangkan jumlah sisa tekstil yang dihantar ke tapak pelupusan, membudayakan amalan kelestarian dalam kalangan warga jabatan, serta mengeratkan kerjasama antara jabatan, sekolah, Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Government Organisations - NGOs) dan komuniti setempat.

Bagi memastikan kesinambungan impak sosial, baki pakaian yang masih sesuai akan diserahkan kepada NGOs atau agensi berkaitan pada 18 Mac 2026.

Inisiatif ini juga dicadangkan untuk dijadikan program tahunan jabatan dalam usaha membudayakan amalan kelestarian secara berterusan.

Melalui Projek Kelestarian Pakaian dan Sosial JPKhas, Jabatan Pendidikan Khas mencerminkan komitmen dalam menyokong agenda kelestarian negara, di samping memperkasa tanggungjawab sosial dengan penglibatan aktif warga jabatan serta kerjasama komuniti yang inklusif.

AS DILANDA PELBAGAI KEADAAN CUACA BURUK

WASHINGTON, 17 Mac. - Amerika Syarikat (AS) berdepan pelbagai keadaan cuaca buruk diseluruh negara pada Isnin termasuk cuaca panas di Pantai Barat, banjir di Hawaii dan salji tebal di negeri utara sertaamaran ribut di Pantai Timur, lapor agensi berita Jerman dpa.

Lebih 200 juta orang atau kira-kira 58 peratus penduduk berada di bawah amaran cuaca, menurut Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS).

Lebih 4,500 penerbangan dibatalkan, menurut portal dalam talian FlightAware. Amaran telah dikeluarkan bagi Pantai Timur untuk angin kencang dan kemungkinan puting beliung, NWS mengumumkan.

Banyak sekolah dan kemudahan lain ditutup awal susulan keadaan cuaca. Sementara itu, ribut salji melanda beberapa negeri utara termasuk Michigan, Wisconsin dan Minnesota.

Di Hawaii, hujan lebat sebelum ini menyebabkan banjir. Pantai Barat AS pula mengalami gelombang haba luar biasa d engan suhu melebihi 30 darjah Celsius pada pertengahan Mac. - ©BERNAMA

Indonesia bakal perkenal peraturan AI untuk penggunaan beretika, telus

JAKARTA, 17 Mac. - Indonesia sedang menyediakan peraturan kebangsaan mengenai Kecerdasan Buatan (AI) sebagai sebahagian usaha mewujudkan rangka kerja tadbir urus yang menggalakkan inovasi sambil memastikan teknologi dibangunkan secara beretika, telus dan bertanggungjawab.

Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital Ismail berkata peraturan yang dibangunkan itu, yang akan dikeluarkan sebagai Peraturan Presiden, akan berperanan sebagai langkah strategik untuk membina ekosistem AI yang bertanggungjawab dan boleh dipercayai di negara ini.

Bercakap pada Forum Kumpulan Rakan Hiroshima AI Process (HAIP) ke-2 di Tokyo, beliau berkata AI menawarkan peluang besar ke arah mempercepat transformasi digital inklusif, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menambah baik kualiti perkhidmatan awam.

"Bagaimanapun, pembangunan teknologi itu turut memberikan cabaran baharu seperti maklumat salah dan palsu, potensi berat sebelah dan diskriminasi, serta risiko kepada privasi data dan keselamatan siber," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan kementerian pada Selasa.

Ismail berkata Indonesia berpandangan bahawa tadbir urus AI mesti dibina menerusi pendekatan yang mengimbangi inovasi dan pengurusan risiko.

Pendekatan itu, katanya termasuk pembangunan AI bertunjangkan keinsanan, mengukuhkan kerjasama pelbagai pihak dan membina asas ekosistem digital melalui infrastruktur, tadbir urus data dan pembangunan bakat digital.

"Bagi Indonesia, AI bukan sahaja tentang kemajuan teknologi tetapi bagaimana inovasi tersebut memberikan manfaat sebenar kepada masyarakat dan meningkatkan kualiti hidup manusia," katanya.

Ismail juga menyatakan bahawa kerajaan sedang memuktamadkan Pelan Hala Tuju AI Kebangsaan bagi memandu pembangunan ekosistem AI yang inklusif, bertanggungjawab dan berdaya saing.

Pelan hala tuju itu menggariskan prinsip etika utama termasuk keterangkuman, kemanusiaan, keselamatan, ketelusan, akauntabiliti, perlindungan data peribadi, kemampanan, kebolehcapaian dan penghormatan terhadap hak harta intelek.

Beliau menegaskan bahawa kepercayaan ialah faktor utama dalam memastikan penggunaan AI yang berjaya dan membina kepercayaan terhadap AI memerlukan komitmen yang kuat terhadap ketelusan dan akauntabiliti, perlindungan data dan privasi yang kukuh, serta pengurusan risiko yang berkesan dalam penggunaan teknologi AI.

Ismail berkata Indonesia juga menyeru kerjasama global yang lebih kukuh dalam tadbir urus AI, termasuk berkongsi amalan terbaik, membangunkan piawaian antarabangsa untuk AI yang boleh dipercayai, mengukuhkan kapasiti di negara membangun dan memajukan inovasi AI yang bertanggungjawab demi kepentingan awam.

"AI akan membentuk masa depan masyarakat kita. Tanggungjawab kita bersama adalah memastikan masa depan ini selamat, inklusif dan bermanfaat untuk semua," tambahnya. - ©BERNAMA

Pasaran pekerjaan Republik Rakyat China kekal stabil

SEBUAH pesta pekerjaan di Guangzhou, wilayah Guangdong, selatan China.

BEIJING, 16 Mac. - Pasaran pekerjaan Republik Rakyat China secara amnya kekal stabil, dengan kadar pengangguran bandar yang ditinjau kekal stabil pada 5.3 peratus dalam tempoh dua bulan pertama tahun 2026, menurut data daripada Biro Statistik Kebangsaan (NBS) pada hari Isnin.

Pada bulan Februari sahaja, kadar pengangguran bandar yang ditinjau adalah 5.3 peratus, iaitu 0.1 mata peratusan lebih tinggi berbanding bulan sebelumnya, menurut NBS.

Disebabkan oleh cuti Tahun Baharu Cina, kadar tersebut lebih tinggi pada bulan Januari dan Februari berbanding Disember 2025, manakala purata dua bulan tidak berubah dari tahun ke tahun, menunjukkan pekerjaan yang stabil, kata jurucakap NBS, Fu Linghui, pada sidang akhbar.

"Petunjuk ekonomi utama menyaksikan peningkatan ketara dalam tempoh dua bulan pertama, menunjukkan permulaan yang baik untuk ekonomi negara tahun ini," kata Fu.

Republik Rakyat China telah menetapkan sasaran kadar pengangguran bandar yang dikaji sekitar 5.5 peratus pada tahun 2026 dan menyasarkan untuk mewujudkan lebih 12 juta pekerjaan bandar baharu dalam tempoh tahun tersebut. - ©XINHUA

Gunung Merapi muntah dua aliran piroklastik, bergerak hingga 1.6km Barat Daya

JAKARTA, 16 Mac. - Gunung Merapi, yang terletak di sempadan antara Yogyakarta dan Jawa Tengah, melepaskan dua aliran piroklastik atau abu dan gas yang bergerak pantas, pada pagi Isnin, dengan aliran bergerak sejauh 1.6 kilometer (km).

Ketua Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi Bencana Geologi (BPPTKG) di Yogyakarta, Agus Budi Santoso berkata aliran itu bergerak ke arah barat daya iaitu ke arah Kali Krasak, berdasarkan pemerhatian dari tengah malam hingga 6 pagi waktu tempatan.

"Dalam tempoh sama, gunung berapi itu merekodkan 49 gempa bumi batu dengan amplitud antara dua hingga 41 milimeter dengan tempoh kira-kira 58 hingga 182 saat.

"Sebanyak 14 lagi gempa bumi hibrid atau pelbagai fasa turut dikesan, dengan amplitud antara dua hingga 30 milimeter dan tempoh kira-kira 27 hingga 50 saat," katanya menurut Agensi Berita ANTARA pada Isnin.

Beliau berkata BPPTKG turut melaporkan 20 runtuhan lahar bergerak ke arah Kali Krasak dengan jarak maksimum 1.8 km manakala 13 lagi runtuhan lahar diperhatikan menghala ke Kali Sat/Putih dalam arah yang sama dengan jarak *runout* yang sama.

"Secara visual, gunung berapi itu jelas kelihatan dengan asap kawah putih lemah menjulang kira-kira 500 meter di atas puncak. Cuaca di sekitar gunung berjulat dari mendung hingga cerah, dengan suhu antara 17.2 dan 19.2 darjah Celsius," katanya.

Laporan BPPTKG dari 6 hingga 12 Mac mencatatkan perubahan dalam morfologli atau bentuk kubah lava barat daya Merapi disebabkan oleh runtuhan lava berterusan dan perubahan dalam jumlah kubah, namun tiada perubahan ketara diperhatikan pada kubah lava pusat.

Pihak berkuasa mengekalkan status berjaga-jaga untuk Merapi pada Tahap III atau "Siaga", dengan potensi bahaya pada masa ini termasuk runtuhan lava dan aliran piroklastik di selatan ke sektor barat daya, yang menjejaskan kawasan sepanjang Sungai Boyong hingga 5km dari puncak.

Jika letupan berlaku, bahan gunung berapi boleh mencecah hingga 3km radius dari puncak. - ©BERNAMA

Penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai digantung sementara

MOSCOW, 16 Mac. - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Dubai menggantung sementara penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai, menurut kenyataan pejabat media kerajaan emiriah itu, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Dubai mengumumkan penggantungan sementara penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai sebagai langkah berjaga-jaga bagi memastikan keselamatan semua penumpang dan kakitangan.

"Pengembara dinasihatkan supaya menghubungi syarikat penerbangan masing-masing bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai penerbangan mereka," menurut pejabat media itu dalam hantaran di X.

Terdahulu, pejabat media berkenaan melaporkan bahawa sebuah tangki bahan api terbakar berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai akibat insiden dron; tiada laporan mengenai sebarang kecederaan diterima. - ©BERNAMA

Tiga lelaki hilang ditemukan maut di perairan Australia Selatan

CANBERRA, 16 Mac. - Tiga lelaki yang dilaporkan hilang ketika memancing di perairan Australia Selatan (SA) ditemukan maut, menurut polis pada Isnin, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan polis, operasi mencari melalui laut dan udara dimulakan sekitar 2.30 petang waktu tempatan pada Ahad selepas ketiga-tiga lelaki itu gagal kembali ke darat di Beachport, kira-kira 310 kilometer di tenggara ibu negeri SA, Adelaide.

Kesemua mangsa yang berusia 65, 67 dan 74 tahun dari negeri New South Wales di pantai timur Australia itu ditemukan maut dan mayat mereka telah dibawa keluar. - ©BERNAMA

MEXICO CIPTA REKOD GUINNESS BAGI KELAS BOLA SEPAK TERBESAR DI DUNIA MENJELANG PIALA DUNIA 2026

DATUK Bandar Mexico City, Clara Brugada memegang Rekod Dunia Guinness bagi kelas bola sepak terbesar di dunia di Zocalo, ibu negara Mexico (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir menyertai kelas bola berkenaan.

MEXICO CITY, 16 Mac. - Mexico mencipta Rekod Dunia Guinness pada Ahad dengan menganjurkan kelas bola sepak terbesar di dunia, hanya beberapa bulan sebelum negara itu menjadi tuan rumah Piala Dunia FIFA buat kali ketiga, satu rekod baharu.

Hakim Guinness World Records, Alfredo Arista mengesahkan rekod yang dicapai di Mexico City selepas seramai 9,500 orang mengambil bahagian dalam sesi pembelajaran bola sepak selama 35 minit di dataran utama ibu negara itu, Zocalo, sekali gus memecahkan rekod sebelumnya iaitu 1,038 peserta.

Datuk Bandar Mexico City, Clara Brugada dan Setiausaha Pelancongan Mexico, Josefina Rodriguez mengetuai kelas tersebut, disertai oleh bekas pemain bola sepak Oscar 'Conejo' Perez, Miguel Espana dan Francisco 'Kikin' Fonseca, serta beberapa tokoh lain.

Ribuan peserta yang menghadiri acara berkenaan mengenakan jersi berwarna hijau, putih atau merah – warna bendera kebangsaan – dengan slogan '*The ball is coming home*', merujuk kepada dua kali sebelum ini Mexico menjadi tuan rumah Piala Dunia, pada tahun 1970 dan 1986.

Dataran Zocalo telah ditukar menjadi padang bola sepak gergasi, dengan rumput tiruan menutupi kawasan konkrit di sekitar tiang bendera dan bendera kebangsaan yang besar, dikelilingi bangunan bersejarah yang menghadap dataran tersebut, termasuk Istana Negara dan Dewan Bandar Raya.

Bola sepak dilambungkan ke sana sini ketika para peserta mempraktikkan pergerakan dan teknik bola sepak seperti sepakan jatuh (*drop kick*), helah bahu (*shoulder feint*), sepakan tumit belakang (*backheel*) dan teknik menahan bola (*cushioning*).

Ilse Aviles, pemain tengah bagi pasukan bola sepak amatur Chilangas, mengalu-alukan acara tersebut serta dasar kerajaan yang menggalakkan penyertaan wanita.

"Kelas ini sangat baik dan teratur, tetapi hari ini benar-benar dipenuhi dengan begitu banyak tenaga dan keterujaan dalam kalangan semua peserta," katanya.

Mexico dijadualkan menjadi tuan rumah bersama Piala Dunia FIFA 2026 pada Jun dan Julai tahun ini bersama Amerika Syarikat dan Kanada, sekali gus menjadikan negara itu yang pertama di dunia menjadi tuan rumah kejohanan Piala Dunia sebanyak tiga kali. - ©XINHUA

Joan Laporta dipilih semula Presiden Barcelona FC

MADRID, 16 Mac. - Joan Laporta dipilih semula sebagai Presiden Barcelona FC sehingga 2031 pada Ahad selepas memenangi pemilihan presiden kelab itu, lapor Xinhua.

Laporta, 63, memperoleh 68 peratus undi berbanding 30 peratus yang diraih pencabarnya Victor Font, yang mengakui kekalahannya dengan menyifatkan keputusan itu sebagai 'tidak boleh dipertikaikan'.

Kelab itu memaklumkan bahawa 48,480 daripada kira-kira 114,000 ahli kelab yang layak telah mengundi, dengan peratusan keluar mengundi sekitar 42 peratus.

Kemenangan Laporta sebahagian besarnya didorong kejayaan berterusan Barcelona di bawah bimbingan jurulatih Hansi Flick, meskipun kelab itu berdepan masalah kewangan yang serius serta kelewatan dalam pembangunan semula Camp Nou. - ©BERNAMA

ISTAF, World Abilitysport jalin kerjasama promosi sepak takraw adaptif

KUALA LUMPUR, 17 Mac. - Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan World Abilitysport bagi mempromosikan sepak takraw berubah suai atau adaptif serta membuka peluang pertandingan untuk atlet yang mengalami kecacatan fizikal.

Setiausaha Agung ISTAF, Datuk Abdul Halim Kader berkata kerjasama itu mencerminkan komitmen mereka untuk menjadikan sepak takraw lebih inklusif dan boleh diakses oleh atlet daripada semua peringkat kebolehan.

"Atlet layak menyertai pertandingan sepak takraw adaptif antarabangsa dalam tiga kategori iaitu TKR 1 (kecacatan anggota atas lutut), TKR2 (kecacatan anggota bawah lutut) dan TKR3 (kecacatan anggota atas).

"Kategori TKR1 dan TKR2 merangkumi amputasi atas atau bawah lutut atau kekurangan anggota yang setara, kelemahan otot atau atrofi otot yang ketara pada satu kaki, kecacatan akibat polio, dan perbezaan panjang kaki melebihi 5 sentimeter (cm).

"TKR3 pula meliputi kekurangan anggota atas sejak lahir, amputasi unilateral di bawah siku, kekangan sendi atau kekakuan yang ketara di pergelangan tangan atau lengan, serta kelemahan otot atau atrofi otot, termasuk kecacatan yang berkait dengan polio," katanya.

Abdul Halim berkata semua atlet dibenarkan menggunakan prostesis atau peralatan sokongan lain bagi membantu keseimbangan dan mobiliti, atau untuk menyokong fungsi lengan jika sesuai.

"ISTAF dan komuniti sepak takraw antarabangsa dengan bangganya menyambut atlet kurang upaya sebagai peserta dalam sukan ini. Persekutuan percaya bahawa semangat sebenar sukan terletak pada keupayaannya untuk menyatukan individu daripada pelbagai latar belakang dan tahap kebolehan.

"Sehubungan itu, ISTAF kekal komited sepenuhnya untuk memastikan atlet adaptif diberikan peluang bermakna untuk menyertai, bertanding dan berkembang dalam komuniti sepak takraw antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Abdul Halim berkata kerjasama dengan World Abilitysport juga akan aktif mempromosikan penyertaan antarabangsa dalam sepak takraw adaptif serta menggalakkan ahli-ahlinya untuk menubuhkan pasukan sepak takraw adaptif menjelang pertandingan akan datang, termasuk World Abilitysport Youth Games, yang dijadualkan berlangsung di Mersin, Republik Türkiye, pada 15 hingga 22 Jun ini.

"Penglibatan sepak takraw dalam program ini akan memperkukuh komuniti sepak takraw antarabangsa serta menyumbang kepada pertumbuhan jangka panjang, pengiktirafan dan kedudukan global sukan ini," katanya. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMOGA KETEKUNAN, KEIKHLASAN MENGERJAKAN AMAL IBADAT MENDAPAT GANJARAN BERLIPAT GANDA